

MODUL KOMPILASI BIJAK BERTUTUR

PERKASA SPM

#JOMBANGKIT



HAK CIPTA

MPSM Perak

Cikgu Hasfariza Abdul Hamid

Cikgu Sue Senawi

TERIMA KHAS KEPADA

Panel guru BM PerkasaSPM

Mana-mana pihak yang menyumbang
secara langsung atau tidak langsung



TAJUK POPULAR UJIAN BERTUTUR BM SPM 2021 & 2022

- Cara Berbudi Bahasa
- Pembelajaran Dalam Talian
- Pelancongan Luar Bandar
- Perpaduan Kaum
- Makanan Kesihatan Tambahan
- TMK dalam pendidikan
- 1 Murid 1 Sukan
- Industri Kecil dan Sederhana
- E-sukan
- Perubatan Tradisional
- Permainan Tradisional
- Sekolah Penyayang
- Kitar Semula
- Kesultanan Melayu Melaka
- Adat Perkahwinan
- Satelit
- Rukun Negara
- Kemurungan
- Menabung
- Koperasi
- Cabaran sektor pelancongan
- Makanan Tradisional
- Bahasa Melayu Bahasa Kebangsaan
- Sejarah Ekonomi
- Nanoteknologi
- Sukan Rekreasi
- Hari Sukan Negara
- Perhotelan
- Cabaran PAK21
- Ordinan Darurat Negara
- Kebersihan dan Kesihatan
- Industri batik tempatan
- Lagu-lagu rakyat
- Unit Bimbingan dan Kaunseling
- Sukan Lasak
- Ekopelancongan

- Sains & Teknologi
- Amalan Gaya Hidup Sihat
- Mageran
- Pelancongan kesihatan
- Atlet Paralimpik
- Tenaga Suria
- Perubatan Teknologi Moden
- Kepentingan Bahasa
- Rukun Tetangga
- Budi Bahasa Budaya Kita
- Perancangan Kewangan Masa Depan
- Internet
- Kraftangan
- Kerjaya
- Bioteknologi dalam pertanian
- Pertanian
- Perikanan & penternakan
- Integriti (Rasuah)
- Agropelancongan
- Pencemaran alam semula jadi
- Jualan pakaian terpakai

PERUNCINGAN SPM 2023

- Amalan berjimat cermat
- Pelaburan
- Percukaian
- Semangat patriotisme
- Keselamatan di jalan raya & sekolah
- Membaca
- Amalan nilai murni
- Jenayah siber
- Vaksin dan penyakit berjangkit
- E-dompot
- Aktiviti kokurikulum
- Perpustakaan negara
- Kepupusan flora fauna

Hak Cipta PerkasaSPM



BAHASA MELAYU KERTAS 1103/3 (BERTUTUR)

PENTAKSIRAN

Taksiran individu	JENIS TAKSIRAN	Taksiran kumpulan
Gambar dan petikan	JENIS ITEM	1 tajuk daripada 8 tema
4 soalan **Respon terhad **Respon terbuka	BILANGAN SOALAN/ AHLI KUMPULAN	4 orang
Soal jawab **Baca secara mentalis 3 minit (kuarantin) **Baca secara mekanis (bilik ujian)	CARA TAKSIRAN	Perbincangan **2 pusingan
3-5 minit	MASA TAKSIRAN	12-15 minit **3minit seorang
40 markah	MARKAH TAKSIRAN 1103/3 – [70 MARKAH]	30 markah
Analitik **lebih terperinci kerana markah berpandukan unsur yang terkandung dalam jawapan	KAEDAH PENSKORAN	Holistik **keseluruhan dan individu

UJIAN BERTUTUR INDIVIDU [40 markah]

1.	Calon diberikan bahan rangsangan yang mengandungi gambar dan petikan
2.	Panjang petikan tidak melebihi 120 patah perkataan
3.	Calon akan membaca petikan secara mentalis(perlahan) terlebih dahulu di Bilik Menunggu selama 3 minit
4.	Calon membawa bahan rangsangan ke Bilik Ujian untuk dibaca secara mekanis (kuat) di hadapan pentaksir dan diuji selama 3 hingga 5 minit
5.	EMPAT soalan akan dikemukakan kepada calon
6.	Soalan 1 dan Soalan 2 ialah soalan pemindahan maklumat. Calon perlu mengenal pasti jawapan dalam petikan
7.	Soalan 3 dan Soalan 4 ialah soalan KBAT berkaitan bahan rangsangan
8.	Selesai pentaksiran individu, calon dikehendaki memasuki Bilik Kuarantin untuk persediaan pentaksiran kumpulan

TEMA UJIAN BERTUTUR


1. Kesihatan dan Kebersihan
2. Pelancongan
3. Keselamatan
4. Perpaduan
5. Kebudayaan, Kesenian dan Estetika
6. Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan
7. Sains, Teknologi dan Inovasi
8. Alam Sekitar dan Teknologi Hijau
9. Pertanian, Penternakan dan Perikanan
10. Sejarah dan Warisan
11. Sukan dan Rekreasi
12. Perindustrian
13. Pendidikan
14. Bahasa dan Kesusasteraan
15. Kerjaya
16. Integriti
17. Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan
18. Pentadbiran dan Politik

BORANG UJIAN BERTUTUR

BORANG MARKAH PENSKORAN CALON TAKSIRAN INDIVIDU (40 MARKAH)

TAKSIRAN	INDIVIDU				
KONSTRUK	TAJUK :				
	TARIKH TAKSIRAN :				
TAHAP PENGUASAAN DAN SKOR	CEMERLANG [9-10]	KEPUJIAN [7-8]	BAIK [5-6]	PENGUASAAN MINIMUM [3-4]	TIDAK MENCAPAI TAHAP MINIMUM [1-2]
Tatabahasa dan Kosa Kata					
Sebutan, intonasi dan nada					
Kefasihan dan kelancaran					
Idea dan bermakna					
Jumlah Kecil					
	JUMLAH BESAR:				

MODEL PENTAKSIRAN



PROGRAM KOLABORATIF AMBANG UJIAN BERTUTUR BM



Daftar Sekarang!

tiny.cc/BongkarSPM2022

**6/2/2023
(ISNIN)**

8 - 10pm



Cikgu Hasfariza Abdul Hamid
Penyampai video YAPEIM 2022
Jurulatih Utama Kebangsaan
Jurulatih Utama PISA
Guru panel BongkarSPM2022 BM

PERKASA SPM 2022

#JOMBANGKIT



Cikgu Alias bin Derais @ Idris
Panel Penggubal Modul YAPEIM 2022
Penulis Buku Teks Bahasa Melayu
Ahli Jawatankuasa
Panel Kawalan Mutu, DBP

https://www.youtube.com/live/we3qIYQ1rvY?si=5DG8DZ_V3X7IQcxK

UJIAN BERTUTUR KUMPULAN

[30 *markah*]

9.	Setiap kumpulan terdiri daripada 4 calon
10.	Setiap kumpulan akan diberi satu pernyataan soalan untuk dibincangkan bersama-sama ahli kumpulan
11.	Setiap kumpulan akan diberi masa selama 8 minit untuk membuat persediaan di Bilik Kuarantin
12.	Setiap kumpulan akan membuat perbincangan di hadapan pentaksir di dalam Bilik Ujian selama 12 hingga 15 minit
13.	Setiap ahli kumpulan bertutur dalam 2 pusingan
14.	Pusingan pertama secara bergiliran , manakala pusingan kedua secara bebas


TEMA UJIAN BERTUTUR

1. Kesihatan dan Kebersihan
2. Pelancongan
3. Keselamatan
4. Perpaduan
5. Kebudayaan, Kesenian dan Estetika
6. Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan
7. Sains, Teknologi dan Inovasi
8. Alam Sekitar dan Teknologi Hijau
9. Pertanian, Penternakan dan Perikanan
10. Sejarah dan Warisan
11. Sukan dan Rekreasi
12. Perindustrian
13. Pendidikan
14. Bahasa dan Kesusasteraan
15. Kerjaya
16. Integriti
17. Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan
18. Pentadbiran dan Politik

BORANG MARKAH PENSKORAN CALON TAKSIRAN KUMPULAN (30 MARKAH)





TAKSIRAN	KUMPULAN				
KONSTRUK	TAJUK :				
	TARIKH TAKSIRAN :				
TAHAP PENGUASAAN DAN SKOR	CEMERLANG [25-30]	KEPUJIAN [19-24]	BAIK [13-18]	PENGUASAAN MINIMUM [7-12]	TIDAK MENCAPAI TAHAP MINIMUM [1-6]
Tatabahasa dan Kosa Kata					
Sebutan, intonasi dan nada					
Kefasihan dan kelancaran					
Idea dan bermakna					
Jumlah Kecil					
	JUMLAH BESAR:				

SUSUN ATUR CALON DAN PENTAKSIR SEMASA UJIAN LISAN - BERTUTUR BAHASA MELAYU



Cara memulakan sesi perbincangan

Berikan pendapat yang positif sahaja dalam sesi perbincangan. Mulakan perbincangan dengan menyatakan topik perbincangan yang diberikan. Anda boleh memulakan sesi perbincangan dengan menggunakan kata-kata seperti yang berikut:

-  Mari kita berbincang tentang...
-  Mari kita memulakan sesi perbincangan dengan menyatakan...
-  Tujuan kita berada di sini adalah untuk berbincang tentang..;
-  Saya hendak memulakan perbincangan kita dengan menyatakan pendapat saya, iaitu...

Sekiranya anda hendak mengemukakan pendapat dalam sesi perbincangan berkumpulan tersebut, anda boleh menarik perhatian rakan lain bagi memulakan ayat anda dengan kata-kata yang berikut:

- ❖ Pada hemat/ pandangan/pendapat saya pula....
- ❖ Pendapat saya pula berlainan dengan pendapat awak, iaitu...
- ❖ Saya bersetuju dengan awak tentang perkara yang dibincangkan;
- ❖ Saya percaya bahawa setiap orang mempunyai pendapat/pandangan masing-masing tentang perkara ini.

TAMBAHAN

- Nyatakan pendapat anda dan kemukakan hujah serta contoh yang sesuai untuk menyokong pendapat tersebut.
- Setelah anda menyatakan pendapat anda, beri peluang kepada rakan lain pula untuk mengemukakan hujahnya.
- Anda boleh menyatakan pendirian sama ada menyokong atau tidak bersetuju dengan pernyataan yang diberikan.
- Sekiranya anda tidak bersetuju dengan pernyataan yang diberikan, kemukakan hujah yang logik dan rasional untuk menyokong pendirian anda.
- Pastikan anda memberikan huraian atau mengembangkan idea yang anda berikan agar perbincangan berjalan dengan lancarnya.
- Setiap rakan berhak untuk mengemukakan pendapat /pandangan masing-masing tentang topik perbincangan agar sesi perbincangan berjalan dalam suasana yang menarik dan lancar
- Pelibatan semua rakan amat penting sepanjang sesi perbincangan berlangsung agar setiap rakan akan mendapat markah yang baik.
- Gunakan bahasa yang bertatasusila / sopan apabila anda tidak bersetuju dengan pendapat rakan lain.
- Elakkan daripada mengejek atau memandang rendah terhadap rakan lain.
- Berikan tumpuan semasa rakan lain sedang memberikan pendapatnya.
- Elakkan daripada bersikap mementingkan diri ketika sesi perbincangan kumpulan sehingga tidak memberi rakan lain ruang untuk mengemukakan pendapat pandangan mereka.
- Janganlah menyampuk atau memotong kata-kata rakan lain dengan cara yang tidak berhemah agar sesi perbincangan dapat berlangsung dalam suasana yang harmoni
- Sebaliknya, tunggu giliran untuk memberikan pendapat dan sebaik-baiknya, kemukakan pendapat anda setelah rakan lain selesai memberikan pendapat.
- Amalkan budaya hormat-menghormati dan berbudi bahasa ketika mendengar hujah rakan lain.

Seandainya ada rakan yang agak pasif dalam sesi perbincangan, anda boleh memainkan peranan untuk menarik pelibatan rakan tersebut dengan menggunakan kata-kata seperti yang berikut:

- Apakah pendapat awak tentang....
- Adakah awak bersetuju dengan pendapat saya dan rakan lain?
- Adakah awak menyokong hujah-hujah yang telah dikemukakan?

Seandainya anda bersetuju atau menyokong pendapat calon lain dalam perbincangan sebelum mengemukakan hujah anda, anda boleh menggunakan kata-kata seperti yang berikut:

- Saya bersetuju dengan pendapat awak...
- Betul kata awak, saya mempunyai pandangan yang sama dengan awak
- Saya dapat memahami maksud awak...

Seandainya anda tidak bersetuju dengan pendapat rakan lain tentang topik perbincangan, anda boleh memulakan hujah anda dengan kata-kata yang berikut:

- Awak boleh berpendapat sedemikian, tetapi...;
- Saya kurang pasti tentang perkara tersebut....
- Awak ada isi yang baik tetapi....

Akhiri sesi perbincangan dengan mengulas topik yang diberikan secara ringkas untuk menunjukkan bahawa sesi perbincangan akan berakhir. Perbincangan berkumpulan boleh diakhiri dengan

- Baiklah, saya fikir kita boleh akhiri perbincangan kita...;
- Bolehkah kita akhiri perbincangan kita?
- Nampaknya, perbincangan kita sangat menarik tetapi masa sangat mencemburui kita.

PROGRAM KOLABORATIF
AMBA
UJIAN BERTUTUR BM

7/1/2024
(AHAD)
8 - 10pm

Daftar Sekarang!
bit.ly/BongkarSPM2023
PERKASA SPM
#JOMBANGKIT

Cikgu Hasfariza Abdul Hamid
Panel Penggubal Modul YAPEIM 2023
Jurulatih Utama Kebangsaan
Jurulatih Utama Kebangsaan PISA
Guru panel PerkasaSPM BM

Cikgu Alias bin Derais
Panel Penggubal Modul YAPEIM 2023
Penulis Buku Teks Bahasa Melayu
Ahli Jawatankuasa
Panel Kawalan Mutu, DBP



<https://www.youtube.com/@PerkasaSPM>

CADANGAN MENGHURAIKAN ISI – GUNAKAN TEKNIK MENGARANG

Isi	Isi Pertama (calon 1)	Isi Kedua (calon 2)	Isi Ketiga (calon 3)	Isi Keempat (calon 4)
Ayat Topik / Isi Utama	Pada realitinya, sudah terang lagi bersuluh,	Isi yang tidak boleh dikesampingkan ...	Jika diteliti dengan lebih mendalam ...	Tidak cukup dengan itu, menelusuri isi yang terakhir,
Ayat Hurai / Mengapa	Hal ini tercetus apabila, ...	Hal ini realitinya menjelaskan bahawa, ...	Hal ini demikian kerana, ...	Hal ini dikatakan begitu, ...
Ayat Contoh / Bagaimana	Contohnya, ...	Misalnya, ...	Sebagai contohnya, ..	Buktinya, ..
Ayat Kesan	Kesannya, ...	Impikasinya, ...	Natijahnya, ...	Impaknya, ...
Ayat Penegasan	Intihanya, bergelombang di mata orang banyak, ...	Oleh itu, tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata, ...	Izharlah, sebagai menggulung yang diperkatakan sebentar tadi, ...	Jelaslah bahawa, siang bagai hari, terang bagai bulan, ...

CONTOH JAWAPAN PRAKTIS 3

(Pusingan Pertama)

Pendahuluan
Sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit. Menabung amalan mulia. Ibu bapa hendaklah menerapkan amalan ini sejak kecil lagi. Persoalannya apakah faedah-faedah amalan menabung kepada seseorang?

ISI	Calon 1	
AYAT TOPIK / ISI UTAMA	Pada realitinya, sudah terang lagi bersuluh, Atau Pada hemat / pandangan/pendapat saya pula....	Faedah-faedah amalan menabung kepada seseorang adalah dapat memupuk nilai berdikari dalam diri seseorang.
AYAT HURAI / MENGAPA	Hal ini tercetus apabila, ...	Lebih bertanggungjawab dan bijak menguruskan wang sendiri tanpa bergantung dengan orang lain.
AYAT CONTOH / BAGAIMANA	Contohnya, ...	Apabila seseorang ingin membeli sesuatu, dia boleh menggunakan wang simpanannya – contohnya membeli kereta idaman – usaha tangga kejayaan. - rumah idaman – tidak berhutang
AYAT KESAN	Kesannya, ...	Tidak perlu berhutang dengan bank yang mengenakan kadar faedah yang tinggi
AYAT PENEGASAN	Intihanya, bergelanggang di mata orang banyak, ...	Faedah-faedah amalan menabung kepada seseorang adalah dapat menyemai nilai berdikari dalam diri seseorang.

ISI	Calon 2	
AYAT TOPIK / ISI UTAMA	Isi yang tidak boleh dikesampingkan ... Atau Pendapat saya pula berlainan iaitu...	Faedah-faedah amalan menabung ialah seseorang itu dapat menggunakannya wang tabungan pada waktu kecemasan
AYAT HURAI / MENGAPA	Hal ini realitinya menjelaskan bahawa, ...	Dengan adanya duit simpanan, kita tidak berasa risau jika berlaku masalah yang tidak dijangka atau secara mengejut
AYAT CONTOH / BAGAIMANA	Misalnya, ...	Kereta rosak – perlukan duit yang banyak untuk membaikinya. Jatuh sakit dan memerlukan rawatan yang berkos tinggi – sediakan payung sebelum hujan.
AYAT KESAN	Impikasinya, ...	Tidak membebankan ahli keluarga yang lain – tidak berhutang dengan orang lain untuk kegunaan sewaktu kecemasan.
AYAT PENEGASAN	Oleh itu, tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata, ...	faedah amalan menabung ialah seseorang itu boleh menggunakannya pada waktu kecemasan.

ISI	Calon 3	
AYAT TOPIK / ISI UTAMA	Jika diteliti dengan lebih mendalam ... Atau Saya bersetuju dengan pendapat awak;	Faedah-faedah amalan menabung ialah seseorang itu dapat meringankan beban ibu bapa
AYAT HURAI / MENGAPA	Hal ini demikian kerana, ...	Dengan simpanan yang ada, kita boleh membantu meringankan beban ibu bapa apabila kita memerlukan sesuatu keperluan
AYAT CONTOH / BAGAIMANA	Sebagai contohnya, ..	Mahasiswa – memerlukan komputer riba untuk pembelajaran. Boleh digunakan ketika memerlukan untuk membeli peralatan secara tiba-tiba. Murid – memerlukan pembelian untuk menyiapkan kerja-kerja kursus sekolah.
AYAT KESAN	Natijahnya, ...	Meringankan beban ibu bapa – boleh belajar berdikari. Yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang.
AYAT PENEGASAN	Sebagai menggulung yang diperkatakan sebentar tadi, ...	faedah-faedah amalan menabung kepada seseorang adalah dapat meringankan beban ibu bapa

ISI	Calon 4	
AYAT TOPIK / ISI UTAMA	Tidak cukup dengan itu, menelusuri isi yang terakhir, Atau Saya bersetuju dengan awak tentang perkara yang dibincangkan;	Faedah-faedah amalan menabung ialah seseorang itu dapat membuat persediaan melanjutkan pelajaran ke menara gading.
AYAT HURAI / MENGAPA	Hal ini dikatakan begitu, ...	Supaya dapat menjamin masa depan yang lebih cerah
AYAT CONTOH / BAGAIMANA	Buktinya, ..	Selepas SPM dapat lanjutkan pelajaran ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam(IPTA)atau Institusi Pendidikan Tinggi Swasta(IPTS) seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Malaysia (USM). Dapat membiayai kos perbelanjaan dan tidak perlu membuat pinjaman pendidikan – Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).
AYAT KESAN	Impaknya, ...	Dapat mencapai cita-cita yang diimpikan hasil daripada amalan suka menabung – tidak membebankan ibu bapa. Sikit-sikit lama-lama jadi bukit.
AYAT PENEGASAN	Jelaslah bahawa, siang bagai hari, terang bagai bulan, ...	faedah-faedah amalan menabung kepada seseorang adalah dapat membuat persediaan melanjutkan pelajaran keperingkat lebih tinggi.

Penutup
Sudah terang lagi bersuluh, terdapat banyak faedah amalan menabung kepada seseorang. Media massa seperti televisyen hendaklah menyiarkan iklan atau dokumentari tentang kebaikan amalan menabung. Ibu bapa hendaklah mendidik anak sejak kecil – melentur buluh biarlah dari rebungunya.

**SEMOGA BERMANFAAT
DAN
SELAMAT MAJU JAYA**

SULIT

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 1
[40 markah]
TEMA : KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KEBERSIHAN DIRI



Kebersihan diri merujuk kepada amalan menjaga kebersihan badan kita. Kebersihan diri adalah sebahagian daripada kesejahteraan kita untuk mengekalkan penampilan yang menyenangkan serta mencegah penyebaran kuman yang dapat membawa penyakit bukan sahaja kepada diri kita sendiri tetapi juga kepada orang lain. Penjagaan kebersihan telah diperkenalkan pada peringkat awal semasa zaman kanak-kanak melalui latihan harian di rumah dan juga di sekolah. Disiplin ini perlu menjadi rutin asas bagi setiap orang demi menjamin kesihatan yang berpanjangan. Namun hal tersebut berbeza untuk warga tua kita yang agak uzur. Walaupun rutin ini berfungsi sebagai penjagaan diri yang santai namun menjadi kesukaran bagi orang yang kita sayangi.

Dipetik dan diubah suai daripada <https://hellodoktor.com>

SULIT

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 2

[40 markah]

TEMA : SUKAN DAN REKREASI

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

AKTIVITI BERBASIKAL



Kesihatan adalah sesuatu yang harus diutamakan bagi mencapai kualiti dalam kehidupan. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat pada hari ini begitu sibuk dengan tuntutan hidup mencari nafkah untuk keluarga. Lantaran itu, mereka tidak ada masa untuk menjalankan aktiviti lain seperti berbasikal. Sebenarnya aktiviti berbasikal terutamanya bersama ahli keluarga pada hujung minggu merupakan aktiviti yang sihat dan dituntut untuk dilaksanakan dalam kalangan masyarakat kita. Berbasikal sama ada di dalam mahupun di luar rumah menjadi suatu keseronokan yang dapat diperolehi dengan mudah. Aktiviti berbasikal amat berkesan kerana dapat mengurangkan ketegangan fikiran dan menjadi satu aktiviti yang sesuai bagi semua peringkat umur dalam membentuk kecergasan fizikal.

Dipetik dan diubah suai daripada <https://iwasihat.com>

SULIT

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 3

[40 markah]

TEMA : PENDIDIKAN

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

SAMBUTAN HARI GURU



Sekolah merupakan satu institusi yang nirmala untuk memupuk dan menghasilkan generasi yang bakal menerajui kepemimpinan negara. Oleh itu, guru diibaratkan sebagai jurutera bagi membina pemimpin pada masa hadapan. Hal ini menunjukkan bahawa jasa guru amat besar sebagaimana jasa ibu bapa dalam mendidik anak-anak. Oleh itu, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan 16 Mei sebagai Hari Guru. Antara tujuan sambutan Hari Guru adalah untuk memberi peluang kepada murid-murid bagi membalas jasa dan pengorbanan para guru. Tindakan ini juga dapat mendidik murid-murid menjadi seorang yang mengenang budi dan menghormati guru-guru mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada Internet

SULIT

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 4

[40 markah]

TEMA : PERPADUAN

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PERPADUAN KAUM



Semua rakyat Malaysia terutamanya generasi muda perlu menghayati konsep perpaduan di bawah masyarakat Madani dengan setiap orang menerima keunikan orang lain supaya kita dapat hidup bersatu padu dan saling menghormati. Perkara inilah yang menjadi kunci kepada negara yang aman dan makmur. Pembangunan negara tidak akan bermakna jika generasi muda tidak diterapkan dengan nilai-nilai murni untuk mengisi kekosongan barisan pemimpin pada masa hadapan. Belia sebenarnya mempunyai kuasa untuk mengubah kepimpinan negara dan membawa perubahan yang positif kepada kemajuan negara. Nilai-nilai yang baik dan positif ini semestinya dapat mempengaruhi generasi muda untuk menyumbang kepada pembangunan negara. Oleh itu, kita perlulah memberi peluang kepada anak muda untuk membuktikan kewibawaan diri mereka demi mencapai kecemerlangan dalam pelbagai aspek.

Dipetik dan diubah suai daripada <https://www.bernama.com>

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 5

[40 markah]

TEMA: KESELAMATAN

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KES JENAYAH SIBER



Kemodenan dan teknologi pada hari ini telah membawa negara kita kepada sebuah dimensi baru dalam dunia jenayah. Salah satunya ialah jenayah digital. Antara jenayah yang dilakukan oleh pelaku e-jenayah ini termasuklah serangan ke atas sistem komputer, merancang kegiatan keganasan, penyebaran fitnah dan maklumat palsu, penipuan kewangan atau lebih dikenali sebagai *scammer* (penipu) dan sebagainya. Pemerkasaan terhadap undang-undang siber merupakan sebuah usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi membendung jenayah digital. Undang-undang siber memainkan peranan yang penting dalam memastikan perlindungan kepada sistem maklumat, integriti sistem rangkaian komputer dan kebolehpercayaan supaya dapat dikekalkan. Salah satu akta penting yang membicarakan berkenaan dengan undang-undang siber di Malaysia ialah Akta Jenayah Komputer 1997 (*Computer Crime Act 1997*). Justeru, masyarakat seharusnya lebih peka dan cakna agar tidak menjadi salah seorang mangsa kepada pelaku e-jenayah ini.

Dipetik dan diubah suai daripada <https://ms.m.wikipedia.org>

SULIT

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 6
[40 markah]
TEMA: SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

INOVASI



Inovasi dalam kehidupan dapat membantu meningkatkan kualiti hidup manusia sejagat. Kini, kita telah hidup dikelilingi oleh hasil inovasi yang selari dengan teknologi terkini. Tamsilnya, pengangkutan yang kita nikmati pada hari ini telah memudahkan kita untuk pergi ke pelbagai destinasi yang kita inginkan dalam tempoh masa yang singkat berbanding pada zaman dahulu. Setiap inovasi yang kita nikmati pada hari ini juga telah memudahkan kita untuk menyelesaikan urusan sesuatu pekerjaan. Oleh sebab itu, kualiti kehidupan akan semakin bertambah baik kerana manusia dapat memberikan fokus untuk meluangkan masa pada perkara yang lebih penting. Kita tidak perlu memikirkan atau menggunakan tenaga untuk pekerjaan yang remeh seperti membasuh pakaian dan menyapu lantai kerana hasil inovasi yang dicipta dapat memudahkan urusan seharian.

Dipetik dan diubah suai daripada Internet

SULIT

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 7

[40 markah]

TEMA : KERJAYA

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KERJAYA PILIHAN



Kerjaya bermaksud perkembangan dan kemajuan seseorang dari segi pekerjaan. Kerjaya selalunya merujuk kepada jawatan tetap dan berjaya menjadikan seseorang itu mencari nafkah dan menyara kehidupan. Pada hari ini, remaja seharusnya sudah menetapkan matlamat kerjaya mereka agar tidak tercari-cari atau terikut-ikut dengan matlamat orang lain. Oleh itu, remaja perlu membuat persediaan dalam memilih kerjaya yang sesuai. Antara faktor yang signifikan ialah minat dan kecenderungan remaja dalam sesuatu bidang. Hal ini dikatakan demikian kerana kedua-dua aspek ini dapat mempengaruhi kerjaya seseorang remaja. Sebagai contoh, jika remaja meminati komputer dan teknologi, maka remaja mempunyai kecenderungan dalam bidang tersebut.

Dipetik dan diubah suai daripada Wikipedia Bahasa Melayu

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 8

[40 markah]

TEMA: JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

MASAKAN MALAYSIA DI LUAR NEGARA



Masakan dari Malaysia merupakan antara hidangan di dunia yang mencerminkan kepelbagaian budaya. Selain mempamerkan wujudnya masyarakat majmuk di negara ini, masakan Malaysia juga merupakan satu persembahan kulineri yang unik. Menyedari masakan Malaysia mempunyai daya tarikan terhadap pelancong asing, kerajaan Malaysia melancarkan Program Dapur Malaysia (Malaysia Kitchen) pada tahun 2006 bagi mempromosi negara melalui restoran-restoran Malaysia di seberang laut. Pada tahun 2009, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) mengambil alih pengendalian serta promosi program itu dan menganjurkan aktiviti pengiklanan serta promosi yang meluas di London dan juga New York. Usaha Matrade mempromosi masakan serta restoran Malaysia di New York membuka tirai dengan persembahan empat jenis hidangan makan tengah hari disediakan chef terkenal Zakary Pelaccio yang dibantu chef Malaysia iaitu Hasni Ghazali, Erik Cheah dan Kathy Wong dari Pusat Kulineri Antarabangsa New York.

Dipetik dan diubah suai daripada <https://www.portalmalaysia.com>

SULIT

BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN 1
[40 markah]

TEMA : KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

Kebersihan diri menjamin kesihatan diri, keluarga dan masyarakat.

Bincangkan

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

SULIT

BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN 2
[40 markah]

TEMA : SUKAN DAN REKREASI

Badan cergas otak cerdas perlu diamankan dalam diri setiap individu.
Ulaskan.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

SULIT

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 1

[40 markah]

TEMA : KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

INDUSTRI KRAF TANGAN



Industri kraf tangan merupakan satu cabang seni yang unik dan mempunyai nilai yang tersendiri di Malaysia. Barangan seperti wau dan anyaman tikar yang dihasilkan melalui industri kraf tangan juga menjadi lambang dan tradisi sesebuah negeri seperti Kelantan dan Sarawak. Walau bagaimanapun, kepopularan barangan tersebut kian terhakis ditelan zaman ibarat hidup segan mati tak mahu. Industri kraftangan negara kini bergelut untuk terus bernafas. Para pengusaha kraf tangan tempatan bukan sahaja terdesak untuk mencari peluang pekerjaan, malah berdepan dengan masalah permintaan domestik yang kurang memberangsangkan. Oleh yang demikian, pelbagai pihak perlulah mencari mekanisme berkesan untuk memajukan industri kraf tangan di Malaysia.

Dipetik dan diubah suai daripada <https://www.academia.edu>

SULIT

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 2

[40 markah]

TEMA : ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

HUTAN PAYA BAKAU



Hutan paya bakau merupakan ekosistem yang banyak terdapat di pesisir pantai negara kita yang kini mengalami kepupusan yang serius akibat perbuatan tangan manusia seperti penebangan pokok bakau tanpa kawalan. Hal ini disebabkan kayu bakau telah didapati sesuai dijadikan bahan bakar dan cerucuk untuk sebarang projek pembinaan manakala arang kayu bakau pula amat berkualiti dan sesuai untuk kegunaan domestik. Ancaman terus berlaku apabila hutan paya bakau diteroka untuk dijadikan kawasan pertanian dan penternakan ikan air tawar. Kawasan paya bakau yang dahulunya berada jauh ke tengah laut, kini hanya beberapa meter sahaja dari pantai. Aktiviti pengorekan pasir dan pembangunan di sekitar kawasan paya bakau semestinya akan merosakkan ekosistem hutan paya bakau ini.

Dipetik dan diubah suai daripada <https://ms.m.wikipedia.org>

SULIT

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 3
[40 markah]
TEMA : KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

TEKANAN KELUARGA



Keluarga merupakan satu unit yang berkongsi pengalaman, isu dan cabaran hidup yang sama. Oleh sebab itu, tekanan atau stres yang wujud perlu dikongsi bersama ahli keluarga. Tekanan keluarga merujuk kepada ketidakseimbangan di antara tuntutan dan kemampuan keluarga untuk memenuhi tuntutan tersebut. Setiap unit keluarga mempunyai pengalaman dan pemahaman yang berbeza berkaitan kaedah pengurusan tekanan. Kehidupan yang terlalu sibuk menyebabkan kita sering melupakan kegiatan yang sangat berfaedah untuk kesihatan fizikal, mental dan psikologi kita. Terdapat beberapa faktor tekanan dalam keluarga seperti konflik perhubungan, masalah kewangan, masalah kerjaya, masalah penjagaan anak, dan campur tangan pihak ketiga. Tekanan boleh dikawal dengan pelbagai cara secara sendiri mahu pun melalui bantuan ahli keluarga atau rakan-rakan.

Dipetik dan diubah suai daripada <https://www.pendidikan.my>


BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 4

[40 markah]

TEMA : SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

ELEKTRIK VS HIDROGEN



Kenderaan elektrik (EV) digerakkan oleh tenaga daripada pengecasan bateri manakala kereta elektrik sel fuel (FCEV) adalah kereta yang menggunakan tindak balas gas hidrogen dan oksigen melalui medium sel bahan api untuk penghasilan tenaga elektrik bagi pengecasan bateri sebelum digunakan untuk menggerakkan motor elektrik. Jenama kereta yang terkenal dengan kereta elektrik seperti Audi, BMW, Mercedes Benz serta Tesla yang menawarkan model kereta dengan jarak perjalanan bermula sekitar 200 hingga 500 km bagi setiap kali pengecasan bateri. Manakala kereta hidrogen yang komersial pula dikeluarkan seperti Toyota Mirai (2015), Honda Clarity (2016) dan Hyundai Nexa (2018). Jarak perjalanan bagi kereta hidrogen pula adalah sekitar 300 hingga 500 km bagi setiap kali pengisian penuh gas hidrogen.

Dipetik dan diubah suai daripada <https://www.hmetro.com.my>

SULIT

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 5

[40 markah]

TEMA : JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

BELIA HARAPAN BANGSA



Belia adalah generasi harapan bangsa dan negara untuk masa kini dan masa akan datang. Mereka adalah pewaris kepimpinan dan tunjang pembangunan dalam merealisasikan matlamat negara dalam apa jua aspek penting yang boleh menyumbang kepada bangsa dan tanah air. Belia pada era globalisasi ini diperlukan oleh kerajaan bagi sama-sama membantu memperkembangkan ekonomi negara. Para belia yang cekap dan kreatif dalam hal pengurusan amat membantu dalam mempelbagaikan sumber ekonomi negara. Hal ini amat bertetapan dengan impian negara untuk melahirkan belia yang cemerlang dan mampu untuk membangun serta memajukan negara pada masa hadapan. Perkara pokok untuk menjadi belia yang cemerlang adalah hormat kepada agama, perlembagaan dan undang-undang negara.

Dipetik dan diubah suai daripada <https://pmtgsepam.pjk.com.my>

SULIT

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 6

[40 markah]

TEMA : SEJARAH DAN WARISAN

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PAKAIAN TRADISIONAL



Pakaian Melayu sepanjang zaman menerokai susur galur sejarah pakaian masyarakat Melayu dan perkembangannya sejak dari zaman tradisional hingga ke zaman moden. Pemakaian busana tradisional tidak dianggap sebagai ketinggalan zaman malah melambangkan identiti budaya. Baju Melayu dan baju kurung merupakan baju tradisional Melayu yang telah dijadikan sebagai pakaian kebangsaan di Malaysia. Pakaian tradisional ini menjadi lambang perpaduan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Uniknyanya pakaian tradisional ini bukan sahaja sering digunakan dalam majlis keagamaan, malah sesuai digayakan dalam pelbagai majlis rasmi dan majlis penganugerahan kerajaan. Konsep baju kurung yang selesa, longgar dan labuh sangat sesuai untuk digayakan sepanjang hari. Pemakaian baju kebangsaan bukan sahaja memperkukuh perpaduan, malah sebagai satu cara untuk mempromosikan kebudayaan dan identiti negara kepada masyarakat luar.

Dipetik dan diubah suai daripada <https://ecentral.my>

SULIT

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 7

[40 markah]

TEMA: BAHASA DAN KESUSASTERAAN

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

MEMARTABATKAN BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA



Sekitar tahun 1970-an dan 1980-an, Persatuan Bahasa Melayu dan Kelab Sastera menjadi tumpuan aktivis pelajar untuk berkarya dalam memanfaatkan kebebasan dan menjuarai masalah rakyat. Mereka menjadi suara bukan sahaja yang bersifat sangat peribadi tetapi juga dalam hal-hal perjuangan untuk memartabatkan bahasa, sastera dan budaya. Karya mereka juga dijadikan bahan bacaan, dipamer dan dimanfaatkan sebaik mungkin terutama pemikiran besar yang dapat mengajak mahasiswa dan warga kampus berfikir dan melihat kehalusan bahasa tulisan mereka. Karya Usman Awang misalnya sarat dengan semangat perjuangan dan perpaduan yang seharusnya difahami oleh generasi masa ini. Memartabatkan bahasa, sastera dan budaya seiring dengan sains dan teknologi penting demi mewujudkan negara bangsa yang mempunyai jati diri dan seimbang di antara kepentingan teknologi dengan jiwa kemanusiaan, kelestarian dan kasih sayang.

Dipetik dan diubah suai daripada <https://www.bharian.com.my>

SULIT

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 8

[40 markah]

TEMA: EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KOPERASI SEKOLAH



Koperasi sekolah merupakan wadah berkesan untuk murid-murid berniaga, menjadi usahawan, mentadbir dan mengurus koperasi serta mendapat kemahiran-kemahiran insaniah. Malah pelibatan mereka ini mampu memperkukuhkan jati diri yang menjadi pegangan koperasi. Pelbagai program telah dilaksanakan oleh koperasi sekolah dalam mendidik semangat keusahawanan dalam kalangan murid-murid sekolah kerana penerapan dan pendedahan kepada budaya dan nilai-nilai keusahawanan ini juga merupakan salah satu proses pembelajaran. Kini, sudah menjadi trend kebanyakan koperasi sekolah mewujudkan kiosk dan hal ini adalah satu perkembangan yang lebih baik kerana koperasi turut memainkan peranan penting kepada asas ekonomi negara.

Dipetik dan diubahsuai daripada <https://www.pendidikan.my>

SULIT

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN 1

[30 markah]

TEMA: PENDIDIKAN

Walaupun buku bercetak masih mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat, namun sumber bacaan dalam medium digital juga semakin diminati ramai terutamanya dalam kalangan golongan muda kerana mudah diperolehi dan boleh dibaca pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

Ulaskan pernyataan tersebut.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

SULIT

BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN 2

[30 markah]

TEMA: PELANCONGAN

Malaysia kaya dengan pelbagai ciri tarikan pelancongan seperti keindahan alam sekitar, keunikan makanan, kepelbagaian budaya, keunikan seni bina prasarana dan khazanah tinggalan sejarahnya. Namun begitu, salah satu daya tarikan pelancong yang perlu diberikan perhatian sewajarnya adalah pelancongan di kawasan tanah tinggi.

Ulaskan pernyataan tersebut.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 1

[40 markah]

TEMA: KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

SERANGAN INFLUENZA MENINGKAT TETAPI TERKAWAL



Wabak influenza ketika ini dalam keadaan terkawal. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan kes di 10 buah negeri termasuk bandar raya Kuala Lumpur dan Putrajaya. Menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham bin Abdullah, peningkatan influenza dikesan menerusi analisis semasa bagi pola aktiviti influenza. Analisis ini melibatkan pesakit influenza yang dikesan di klinik dan hospital di seluruh negara. Kemasukan pesakit ke wad dengan jangkitan pernafasan akut teruk juga diambil kira dalam analisis ini. Laporan pengawasan influenza yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perubatan Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan menunjukkan peningkatan pola aktiviti virus influenza dalam persekitaran. Tiada sebarang kelainan, perubahan, atau mutasi penularan influenza ketika ini. Penularan influenza di Malaysia adalah sama seperti kes yang dilaporkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kawal Sebelum Tular'
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5.

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 2

[40 markah]

TEMA: PERPADUAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

RANCANGAN INTEGRASI MURID UNTUK PERPADUAN (RIMUP)



RIMUP ialah program Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak tahun 1986 lagi. Melalui program ini, KPM menyediakan peluang kepada murid pelbagai kaum untuk bergaul mesra secara sedar dan terancang. Pelbagai aktiviti dirancang dan dilaksanakan setiap tahun oleh pihak sekolah. Aktiviti-aktiviti tersebut merangkumi lima elemen, iaitu akademik, khidmat masyarakat, jati diri dan patriotisme, kebudayaan dan kesenian serta sukan dan permainan. KPM akan memperluas dan memperkukuh pelaksanaan program RIMUP di sekolah rendah dan menengah di negara ini. Pendekatan yang sempurna dan sarat dengan mesej perpaduan ini diyakini memberi impak langsung kepada agenda perpaduan kaum secara holistik. Berdasarkan pemantauan yang dilakukan oleh pihak KPM, didapati sekolah yang melaksanakan aktiviti yang menjurus kepada pembentukan perpaduan dapat dilihat melalui interaksi dan tingkah laku murid dalam bilik darjah dan ketika aktiviti kokurikulum.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Bulat Air kerana Pembetung'
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5.

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 3

[40 markah]

TEMA: SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PENGHASILAN BAJA KOMPOS DARIPADA SISA MAKANAN DI RUMAH



Setiap kali anda membuang sisa makanan yang berlebihan, pernahkah anda terfikir, sisa makanan ini sebenarnya boleh dikitar semula untuk menghasilkan baja organik? Bayangkan berapa banyak kawasan tapak pelupusan sampah yang dapat dijimatkan dengan mengitar semula sisa makanan untuk dijadikan baja kompos? Baja kompos dihasilkan melalui proses pereputan secara automatik. Proses ini dapat dilakukan secara manual atau menggunakan mesin dalam industri tertentu seperti industri pertanian. Di Malaysia, 45 peratus daripada keseluruhan komposisi sisa pepejal yang dibuang setiap hari terdiri daripada sisa makanan. Dengan membuat kompos sendiri ternyata dapat mengurangkan masalah pembuangan sampah selain dapat menjimatkan kos membeli baja kimia. Menurut Pengurus Kempen Sifar Sisa Universiti Malaya, Jaron Keng, hanya berbekalkan bekas untuk menyimpan kompos tanpa menggunakan peralatan mahal, baja kompos boleh dihasilkan di rumah dengan cara yang mudah.

Dipetik dan diubah suai daripada
[https://www.astroawani.com/berita-malaysia/
penghasilan-baja-kompos-daripada-sisa-makanan-di-rumah-63571](https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penghasilan-baja-kompos-daripada-sisa-makanan-di-rumah-63571)

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 4

[40 markah]

TEMA: KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

FALSAFAH BUSANA MELAYU



Sebagai rakyat Malaysia, kita semestinya mengenali baju kurung Melayu. Baju kurung ialah pakaian tradisional lelaki dan wanita Melayu. Baju lelaki dikenali sebagai baju Melayu. Baju kurung Melayu bukan sahaja dipakai oleh orang Melayu, malahan turut digayakan oleh pelbagai kaum untuk ke tempat kerja atau dalam acara rasmi. Namun demikian, tahukah anda baju kurung yang diperkenalkan oleh Sultan Muhammad Syah pada zaman empayar Melaka sekitar 700 tahun yang lalu memiliki falsafahnya yang tersendiri? Untuk golongan wanita, falsafah pemakaian baju kurung berkisar pada aspek “pengurangan dan melindungi diri daripada aib”. Oleh itu, baju kurung dipakai secara berlapis. Kain samping yang lazimnya dipakai oleh golongan lelaki pula membawa maksud kesungguhan menjaga maruah, aurat dan syahwat.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Serlahkan Identitimu'
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5.

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 5

[40 markah]

TEMA: EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KAD KREDIT



Kad kredit merupakan pisau tajam yang bermanfaat, namun boleh juga mendatangkan mudarat. Penggunaan kad kredit ini begitu fleksibel kerana dapat digunakan pada bila-bila masa untuk memperoleh barangan atau perkhidmatan secara berhutang. Walaupun begitu, ada juga yang menganggap penggunaan kad kredit boleh merosakkan masa depan. Namun, tidak adil rasanya menilai daripada satu sudut sahaja kerana kad kredit bergantung kepada kita sebagai pengguna sama ada menjadikan kemudahan kad kredit sebagai manfaat atau masalah. Akan tetapi kalau tersilap langkah boleh membawa kita ke dalam beban hutang yang berpanjangan. Secara umumnya, kad kredit yang umpama wang kecemasan ini sangat penting sekiranya berlaku apa-apa perkara yang tidak diduga seperti dimasukkan ke hospital akibat kemalangan, sakit dan sebagainya. Walaupun kita tidak mempunyai wang di dalam bank atau secara tunai, kita boleh membayar bil hospital dan keperluan hidup menggunakan kemudahan ini.

Dipetik dan diubah suai daripada

<https://www.adamzubir.com/blog/kelebihan-dan-keburukan-kad-kredit>.

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 6

[40 markah]

TEMA: KERJAYA

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KANTA FORENSIK



Sejajar dengan perkembangan dunia sains, Polis Diraja Malaysia (PDRM) kini mengorak langkah untuk memantapkan aspek penyiasatan dalam menyelesaikan sesuatu kes jenayah. Aplikasi kaedah saintifik dalam penyiasatan atau lebih dikenali sebagai forensik membantu PDRM menjalankan penyiasatan kes-kes jenayah. Menurut PDRM, forensik adalah aplikasi sains kepada perundangan. Pakar forensik mengumpulkan bahan bukti untuk dianalisis oleh Bahagian D10, Jabatan Siasatan Jenayah (Makmal Forensik). Hasil laporan forensik digunakan untuk keperluan perundangan. Apabila sesuatu kes jenayah dilaporkan, pakar forensik akan mendapatkan bukti-bukti fizikal yang berkualiti dan relevan. Bukti-bukti fizikal seperti kesan cap jari, kesan tumpahan bahan kimia dan sebarang dokumen yang berada di tempat kejadian akan dinilai oleh pasukan forensik. Hasil penilaian tersebut akan dianalisis oleh unit forensik yang berkenaan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kanta Forensik'
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4.

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 7

[40 markah]

TEMA: SEJARAH DAN WARISAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

TAIPING BANDAR WARISAN



Nama asal Taiping ialah Klian Pauh. Klian Pauh bermaksud lombong, manakala pauh pula ialah sejenis buah mangga yang bersaiz kecil. Bandar ini pada mulanya hanyalah petempatan kecil sebilangan masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, penemuan bijih timah di kawasan sekitarnya telah menarik banyak orang asing datang ke bandar ini. Nama Klian Pauh telah ditukarkan kepada Taiping bersempena dengan tamatnya Perang Larut pada tahun 1874. Perang ini tercetus daripada pertelingkahan puak-puak kongsi gelap pendatang Cina yang melakukan aktiviti perlombongan bijih timah di daerah Larut, iaitu Ghee Hin dan Hai San. Persatuan kongsi gelap ini bertelingkah kerana lombong bijih timah dan jalan air. Setelah mendapat kata sepakat untuk berdamai, Taiping telah dipilih sebagai nama baharu. Taiping berasal daripada perkataan Cina, iaitu "Tai-Peng" yang bermaksud aman selama-lamanya.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Tercatat dalam Sejarah'
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4.

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 8

[40 markah]

TEMA: BAHASA DAN KESUSASTERAAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

SKRIP DRAMA



Skrip drama berbeza daripada novel dan cerpen. Dalam dua genre ini, situasi dan latar bagi peristiwa yang berlaku akan dijelaskan secara terperinci kepada pembaca. Dalam skrip drama, pembaca hanya akan diberikan gambaran umum tentang situasi, latar atau tempat. Skrip drama digerakkan oleh dialog. Mesej dan pemikiran pengarang disampaikan melalui dialog watak-watak yang berinteraksi dalam drama. Skrip drama yang baik akan dapat memberikan gambaran yang jelas tentang pemikiran pengarang melalui unsur-unsur dramatik dalam dialog. Unsur dramatik bermaksud diksi atau ungkapan yang boleh mewujudkan konflik dalam drama. Sebagai contoh, dialog boleh menimbulkan perasaan marah, gembira, lucu dan sebagainya. Drama yang baik juga harus mempunyai unsur ketegangan, kejutan dan seharusnya mampu menimbulkan rasa ingin tahu penonton.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Tercatat dalam Sejarah'
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4.

BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN 1

[30 markah]

TEMA: KERJAYA

Pihak sekolah bertanggungjawab untuk memberikan pendedahan tentang kerjaya kepada murid.

Bincangkan.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN 2

[30 markah]

TEMA: PELANCONGAN

Terdapat banyak faktor yang menjadikan sesuatu kawasan itu berpotensi sebagai kawasan pelancongan.

Jelaskan.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

SULIT

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 1

[40 markah]

TEMA: PERINDUSTRIAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

ARANG KAYU BAKAU DI KUALA SEPETANG



Khazanah hutan yang ada di Kuala Sepetang, Perak ialah hutan paya bakau. Hutan ini berfungsi untuk mengawal hakisan pantai dan menjadi habitat beberapa jenis hidupan akuatik. Kayu bakau dari hutan ini digunakan untuk menghasilkan arang. Kayu bakau yang sesuai untuk dijadikan arang ialah kayu bakau kurap dan kayu bakau minyak. Walau bagaimanapun, pengusaha kilang arang kayu bakau tidak boleh sesuka hati menebang pokok bakau untuk dijadikan arang. Hal ini dikatakan demikian kerana, mereka perlu menebang pokok bakau mengikut kapasiti yang ditentukan oleh Jabatan Perhutanan Negeri. Proses untuk menghasilkan arang kayu bakau ini memerlukan kepakaran tenaga kerja yang unik dan mencabar. Secara ringkasnya, proses pembakaran kayu bakau di dalam dapur yang berbentuk iglu dibahagikan kepada tiga peringkat yang memakan masa kira-kira sebulan.

Dipetik dan diubah suai daripada

“Khazanah Hutan Bakau”

Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4.

SULIT

BAHAGIAN: TAKSIRAN INDIVIDU 2

[40 markah]

TEMA: KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

SENI JALANAN -MURAL DAN GRAFITI



Mural ialah suatu lukisan besar pada ruang bangunan atau ruang dinding. Lukisannya berkisar tentang sesuatu benda, peristiwa, cerita, atau pengalaman yang mengusik perasaan yang dilahirkan dengan cara yang cukup halus, cekap, lagi mendalam serta mengandungi maksud atau nasihat tertentu yang tersirat. Grafiti pula ialah suatu lakaran yang dibuat pada dinding. Suatu ketika, grafiti ini dikaitkan dengan golongan muda yang mahu meluahkan perasaan yang bergelojak. Oleh sebab itu, grafiti dipandang negatif dan dianggap sebagai vandalisme kerana contengan-contengan liar yang dihasilkan oleh golongan ini agak menjengkelkan. Namun kini, lukisan jalanan mural dan grafiti merupakan salah satu seni yang sedang berkembang maju. Dalam sekelip mata, kawasan bandar yang mempunyai mural ini menjadi popular dan menerima kunjungan daripada peminat seni dan pelancong dari serata tempat.

Dipetik dan diubah suai daripada

“Ekspresi Diri”

Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4.

SULIT

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 3

[40 markah]

TEMA: ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

BURUNG BOTAK UPEH



Burung Botak Upeh, membaca namanya sahaja tentu ada yang berasa hairan dan akan tertanya-tanya adakah burung ini? Kini, burung botak upeh tidak dikenali kerana burung botak upeh sudah lama tidak kelihatan di habitat yang sepatutnya. Burung botak upeh sedang diancam kepupusan yang amat serius. Dahulu, burung botak upeh sering kelihatan di habitat semula jadinya, terutamanya di kawasan hutan paya bakau. Kini, kita perlu ke Zoo Negara dan Zoo Taiping untuk melihatnya dari dekat. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pelbagai pihak untuk memulihara burung botak upeh yang semakin pupus. Perhilitan dan Zoo Negara pada tahun 2007 telah menjalankan Program Pelepasan Semula Burung Botak Upeh di Kuala Gula, Perak bagi membantu meningkatkan semula populasi burung ini di habitat semula jadi.

Dipetik dan diubah suai daripada
“Patah Daggu Bertongkat Paruh”
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4.

SULIT

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 4

[40 markah]

TEMA: KESELAMATAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

SEDIA MENYELAMAT



Visi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) adalah untuk menjadi sebuah organisasi kebombaan dan penyelamatan berprestasi tinggi. Misinya pula adalah untuk memberikan perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan yang profesional bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda demi kesejahteraan rakyat. JBPM menjalankan tugas pencegahan dan pemadaman kebakaran. Tugas anggota bomba yang diketahui oleh kebanyakan orang adalah untuk memadamkan kebakaran. Walau bagaimanapun, pihak bomba sebenarnya turut membantu agensi kerajaan dan swasta yang menjalankan kawad kebakaran. Selain itu, pihak bomba juga mengadakan kempen untuk menyedarkan masyarakat tentang keselamatan dan bahaya kebakaran. JBPM juga bertanggungjawab untuk memastikan sesebuah bangunan mempunyai ciri-ciri keselamatan. Mereka memastikan setiap bangunan dilengkapi sistem amaran dan alat pemadam api agar berfungsi dengan baik. Selepas kebakaran berlaku pula, pihak bomba menjalankan kerja-kerja forensik kebombaan untuk menyiasat punca kebakaran dan seterusnya melaksanakan pendakwaan di mahkamah.

Dipetik dan diubah suai daripada
"Keselamatan Anda Tanggungjawab Kami"
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5.

SULIT

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 5

[40 markah]

TEMA: KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

MENGURUS KEMARAHAN SECARA BIJAKSANA



Kita dianjurkan agar mengawal atau mengurus perasaan marah. Perasaan ini perlu dikawal untuk mengelakkan kesan buruk akibat kemarahan yang tidak dikawal. Terdapat beberapa langkah yang boleh digunakan sebagai kawalan ketika marah. Satu daripada langkah untuk mengurus kemarahan adalah dengan cara bertenang. Semasa marah, tarik nafas dalam-dalam dan kosongkan fikiran. Gunakan daya imaginasi kita untuk menggambarkan suasana yang tenang sambil menutup mata. Kemudian, lepaskan nafas perlahan-lahan. Ketika marah, kita cenderung untuk membuat kesimpulan dengan mudahnya. Oleh itu, ambil masa yang secukupnya sebelum menjawab sebarang respons. Jangan ucapkan perkara pertama yang terlintas dalam fikiran anda, sebaliknya cuba lambatkannya. Berfikirlah dengan sedalam-dalamnya sebelum berkata-kata. Di samping itu, dengar dengan telitinya perkara yang diperkatakan oleh orang lain. Namun, jika kita masih juga tidak mampu untuk menguruskan perasaan marah itu dengan baik, kita perlulah berjumpa dengan kaunselor untuk mendapatkan bantuan.

Dipetik dan diubah suai daripada

“Marah, Jangan Engkau Marah”

Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4.

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 6

[40 markah]

TEMA: SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

TURUNLAH HUJAN

TAHUKAH ANDA PEMBENIHAN AWAN?

KAEDAH

PEMBENIHAN BASAH
Semburan larutan air garam biasa (NaCl)

- Larutan garam disediakan dengan menggunakan 200 kg garam dan air.
- Sebanyak 4 tangki larutan garam di masukkan ke dalam pesawat.
- Larutan garam disembur dalam awan ketinggian 5,000-8,000 kaki.

PEMBENIHAN KERING
Pembakaran hygroscopic flare (NaCl, KCl dan MgO)

- Hygroscopic flare di pasang di pesawat.
- flare di bakar di dasar awan pada ketinggian 3,000-5,000 kaki.

Pembenihan awan ialah proses mempercepat pembentukan hujan supaya dalam situasi tertentu seperti dalam musim kemarau dan kebakaran hutan, hujan turun di kawasan yang disasarkan. Pembentukan awan dilakukan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Terdapat dua kaedah pembentukan awan, iaitu kaedah basah dan kaedah kering. Proses pembentukan awan dimulakan dengan mengesan lokasi pembentukan awan kumuliformis menara dan kandungan wap air yang berpotensi menghasilkan hujan. Tujuan utama pembentukan awan adalah untuk meningkatkan keberkesanan proses mikrofizik awan yang terlibat dalam pembentukan titisan air hujan daripada molekul wap air yang sedia ada. Selepas titisan awan terbentuk, titisan ini perlu mengembangkan saiznya kira-kira satu juta kali ganda untuk menjadi titisan hujan.

Dipetik dan diubah suai daripada

“Sinar Masa Depan”

Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 1.

SULIT

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 7

[40 markah]

TEMA: PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PENTERNAKAN LANDAK RAYA



Penternakan landak raya semakin mendapat perhatian dalam sektor pertanian yang berbentuk komersial. Landak raya merupakan spesies hidupan liar yang sukar didapati. Pihak Jabatan Perhilitan telah mengadakan program kerjasama dengan Institut Agrobioteknologi Kebangsaan tentang penternakan landak raya. Selain itu, Universiti Putra Malaysia juga telah menjalankan penyelidikan tentang spesies ini. Terdapat beberapa keistimewaan landak raya. Daging landak raya lembut dan enak serta sesuai untuk pelbagai jenis masakan seperti rendang, kari, sup, dan sate. Kita boleh juga menikmati hidangan daging landak raya di restoran dan di gerai makanan. Hal ini menyebabkan permintaan terhadap daging landak semakin tinggi. Seterusnya, kandungan lemak daging landak raya rendah dan mempunyai serat yang tinggi. Daging landak raya ini juga berkhasiat dan mengandungi asid amino yang tinggi untuk proses penyembuhan luka. Oleh sebab itulah, harga daging landak raya ini mahal di pasaran.

Dipetik dan diubah suai daripada

“Dunia Baharu Tani”

Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 1.

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 8

[40 markah]

TEMA: PENDIDIKAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT DALAM KALANGAN MURID



Isu murid dibenarkan membawa telefon bimbit ke sekolah bukanlah perkara baharu kerana pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pernah membenarkan murid membawa telefon bimbit ke sekolah sebelum ini. Jika dilihat secara keseluruhan, kebenaran untuk murid membawa telefon bimbit ke sekolah akan membawa banyak keburukan daripada kebaikan walaupun diberi kebenaran bersyarat. Penggunaan telefon bimbit dalam kalangan murid di sekolah akan memudahkan pemantauan oleh ibu bapa. Di samping itu, murid juga dapat mengakses maklumat daripada Internet untuk proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Namun demikian, penggunaan telefon bimbit dalam kalangan murid akan mengganggu proses PdP jika murid menggunakan telefon bimbit untuk bermain permainan dalam talian atau merakamkan gambar yang tidak sepatutnya. Di samping itu, kebenaran penggunaan telefon bimbit ini akan mewujudkan budaya tunjuk-menunjuk dalam kalangan murid selain menambahkan beban guru jika berlaku kecurian.

Dipetik dan diubah suai daripada
www.arenapendidikanmalaysia.blogspot.com

SULIT

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN 1

[30 MARKAH]

TEMA: KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

Aktiviti sukan dan rekreasi mendatangkan pelbagai faedah kepada masyarakat pada hari ini.

Bincangkan.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

SULIT

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN 2
[30 MARKAH]
TEMA: ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU

Program kitar semula kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat kita.
Bincangkan.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 1

[40 markah]

TEMA: KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

SARAPAN CEGAH PENYAKIT



Pengambilan sarapan ialah amalan rutin bagi sesetengah orang. Amalan ini dilakukan pada setiap pagi dan sebelum memulakan urusan seperti belajar atau bekerja. Tinjauan Pemakanan Dewasa Malaysia melaporkan golongan dewasa antara 18 hingga 39 tahun tidak gemar mengambil sarapan berbanding dengan makan tengah hari dan malam. Pengambilan sarapan secara tidak langsung dapat membekalkan tenaga dan nutrien yang diperlukan oleh badan untuk melakukan urusan seharian selain membantu seseorang untuk fokus di tempat kerja atau sekolah. Banyak kajian mendapati bahawa sarapan menurunkan tahap kolesterol jahat iaitu lipoprotein berketumpatan rendah di dalam darah. Masyarakat tidak menyedari bahawa terdapat banyak impak negatif sekiranya mengabaikan sarapan. Orang yang tidak bersarapan berasa lebih cepat lapar dan cenderung untuk makan dalam kuantiti yang banyak pada waktu makan seterusnya.

Dipetik dan diubah suai daripada

“Sarapan Cegah Penyakit”

Oleh Mohd.Faizal Mat Salleh,

Dewan Kosmik, Bil 9/2018

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 2

[40 markah]

TEMA: KESELAMATAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KEPENTINGAN PENDIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA



Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) mula diperkenalkan pada tahun 2007 secara rintis kepada semua murid tahun satu. Pembelajaran PKJR ini dijalankan melalui penyerapan ilmu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Pelaksanaan PKJR di sekolah rendah dan di sekolah menengah memberikan beberapa manfaat kepada murid. Melalui PKJR, murid dapat mempelajari peraturan-peraturan jalan raya. Misalnya, mereka belajar tentang cara untuk melintas jalan dan menunggang basikal dengan selamatnya. Mereka juga belajar tentang maksud lambang-lambang yang terdapat di jalan raya. Pengetahuan tentang hal ini penting untuk menjadikan mereka pengguna jalan raya yang berhemah. Selain itu, pembelajaran PKJR juga dapat mendidik murid-murid tentang nilai-nilai murni di jalan raya. Nilai-nilai yang baik ini patut dipelajari agar mereka tidak bertindak ganas di jalan raya. Sebagai contoh, mereka tidak menjadikan jalan raya sebagai tempat untuk berlumba. Pembelajaran PKJR dapat menyedarkan mereka agar menggunakan jalan raya dengan selamatnya.

Dipetik dan diubah suai daripada

“Berhemah di Jalan Raya”

Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 3.

SULIT

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 3

[40 markah]

TEMA: PENDIDIKAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

TRANSFORMASI PENDIDIKAN VOKASIONAL



Transformasi Pendidikan Vokasional merupakan satu usaha merekayasa sistem pendidikan vokasional. Transformasi Pendidikan Vokasional merupakan satu daripada 25 inisiatif utama yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM). Matlamat akhirnya adalah untuk memenuhi keperluan tenaga mahir negara. Dalam Transformasi Pendidikan Vokasional ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan program Pendidikan Asas Vokasional pada peringkat menengah rendah (tingkatan satu hingga tingkatan tiga) di sekolah menengah harian. Pada peringkat menengah atas pula, Kolej Vokasional (KV) diperkenalkan. Kolej ini menyediakan pendidikan serta latihan teknikal dan vokasional untuk murid lepasan menengah rendah. Untuk tujuan itu, Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) telah digubal. KSKV ini bertepatan dengan prinsip Falsafah Pendidikan Kebangsaan kerana turut berhasrat untuk membentuk modal insan yang berkemahiran tinggi, berilmu, dan bersahsiah melalui aliran vokasional.

SULIT

Dipetik dan diubah suai daripada
Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, KPM.


BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 4

[40 markah]

TEMA: KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

TULISAN JAWI TULISAN WARISAN



Tulisan Jawi masuk ke alam Melayu melalui kedatangan Islam. Sebenarnya, tulisan ini merupakan tulisan Arab yang disesuaikan dengan bahasa Melayu. Pelbagai Langkah telah diambil untuk memastikan tulisan ini tidak lenyap. Sebagai contoh, tulisan jawi telah diiktiraf sebagai warisan khazanah berharga negara. Di samping itu, Program Jawi, al-Quran, Arab, Fardhu Ain (j-QAF) telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Antara tujuan program ini adalah untuk memastikan murid beragama Islam menguasai tulisan Jawi. Terdapat beberapa Langkah untuk mempopularkan tulisan Jawi. Antaranya termasuklah penerbitan buku panduan cara mudah untuk mempelajari tulisan Jawi. Di samping itu, bengkel dan pameran tentang tulisan Jawi perlu diadakan untuk menarik minat golongan muda. Pihak berkuasa tempatan pula boleh menggunakan tulisan Jawi pada papan tanda jalan dan sebagainya. Di sekolah, murid-murid boleh didedahkan dengan seni khat atau kaligrafi Jawi melalui mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

SULIT

Dipetik dan diubah suai daripada
“Kenali dan Hargai Tulisan Jawi”
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 3.

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 5

[40 markah]

TEMA: ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

BAHAN MESRA ALAM



Kualiti dan produktiviti produk pertanian dapat ditingkatkan menerusi penggunaan racun makhluk perosak dan baja kimia. Walau bagaimanapun, usaha alternatif yang bersifat mesra alam perlu diberi keutamaan kerana dapat menjimatkan wang dan tidak mendatangkan kesan buruk kepada kesihatan manusia. Bagi menggantikan penggunaan racun makhluk perosak, petani boleh menghasilkan racun organik daripada lada hitam dan bawang putih. Kedua-dua bahan ini dikisar dan dicampurkan dengan air panas. Selepas itu, bahan ini disemur pada tanaman yang diserang oleh makhluk perosak. Penggunaan racun organik seperti ini lebih efektif berbanding dengan penggunaan racun kimia. Selain itu, bagi mengatasi masalah serangan tikus terhadap tanaman padi dan kelapa

SULIT

sawit, penggunaan burung hantu jelapang mampu menangani masalah ini. Burung hantu ini agak istimewa kerana mampu terbang dalam lingkungan 40 hektar dan mempunyai daya penglihatan yang tajam pada waktu malam. Seekor burung hantu boleh makan tiga ekor tikus pada waktu malam.

Dipetik dan diubah suai daripada
<https://news.usm.my/index.php/berita-mutakhir/3237-usm-kaji-burung->

SOALAN

1. Bagaimanakah kualiti dan produktiviti produk pertanian dapat ditingkatkan?
2. Apakah yang dapat digunakan bagi mengatasi masalah serangan tikus terhadap tanaman padi dan kelapa sawit?
3. Jelaskan punca-punca para petani tidak mahu menyediakan racun makhluk perosak menggunakan bahan mesra alam.
4. Penggunaan baja kimia dan racun serangga menyebabkan pencemaran alam sekitar. Beri komen anda.

CADANGAN JAWAPAN

3. Punca-punca para petani tidak mahu menyediakan racun makhluk perosak menggunakan bahan mesra alam
 - kurang pengetahuan
 - tidak mahu bersusah payah
 - racun makhluk perosak banyak dijual di kedai-kedai/mudah didapati
4. Penggunaan baja kimia dan racun serangga menyebabkan pencemaran alam sekitar
 - penipisan lapisan ozon - pemanasan global
 - pencemaran air
 - pencemaran udara

SULIT

BAHAGIAN
INDIVIDU 6

[40 markah]

TEMA: JATI

DAN



A: TAKSIRAN

DIRI,
PATRIOTISME

KEWARGANEGARAAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

MEMORI MERDEKA

Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan terletak di Banda Hilir, Melaka. Lokasinya berhampiran dengan tempat bersejarah, iaitu A Famosa dan replika Istana Kesultanan Melaka. Bangunan memorial yang dibina pada tahun 1911 ini pada asalnya dikenali sebagai Kelab Melaka. Bangunan ini dipilih

SULIT

kerana terletak di hadapan Padang Bandar Hilir, iaitu tempat Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengisytiharkan tarikh kemerdekaan negara sekembalinya dari London. Peristiwa pada 20 Februari 1956 itu menandakan bahawa negara kita semakin hampir untuk menikmati kemerdekaan. Memorial ini ditubuhkan untuk memperingati detik-detik perjuangan ke arah mencapai kemerdekaan. Memorial ini telah dibuka dengan rasminya oleh Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Bapa Kemerdekaan. Pembukaannya dilakukan setelah negara menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-28 pada 31 Ogos 1985. Bangunan ini menempatkan bahan pameran merangkumi zaman Kesultanan Melayu Melaka hingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.

Dipetik dan diubah suai daripada

“Memori Merdeka”

Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 3.

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 7

[40 markah]

TEMA: PERTANIAN PENTERNAKAN DAN PERIKANAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

REMIS DI PASIR PANTAI



SULIT

Remis ialah sejenis moluska bercangkerang yang boleh didapati di persisiran pantai. Bentuk remis seakan-akan lala tetapi saiznya lebih kecil. Kulit remis berwarna hitam, putih dan coklat. Pada kulit remis, terdapat pelbagai corak yang unik. Hidupan laut ini boleh diperolehi dengan banyak dari bulan Jun hingga Disember. Pada musim cuti sekolah, ibu bapa gemar membawa anak-anak ke pantai untuk mencari remis. Kerja mencari remis ini tidaklah begitu sukar. Kita hanya perlu mengorek pasir yang tidak begitu dalam. Kita boleh menemukan remis yang hidup di dalam pasir. Walau bagaimanapun, masa yang diambil untuk mencari remis ini agak lama. Jumlah remis yang kita peroleh juga tidak banyak tetapi memadai untuk santapan keluarga. Sebelum dimasak, remis perlu dicuci sehingga bersih. Seelok-eloknya remis direndam semalaman untuk membuang pasir. Walaupun remis ini kecil, isinya manis dan boleh dimasak dengan pelbagai cara.

Dipetik dan diubah suai daripada

“Rezeki dari Laut”

Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 3.

BAHAGIAN A: TAKSIRAN INDIVIDU 8

[40 markah]

TEMA: BAHASA DAN KESUSASTERAAN

Baca dan fahami bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

MEMUPUK BUDAYA MEMBACA

SULIT



Kajian profil membaca rakyat Malaysia yang dilakukan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) pada tahun 2005 mendapati rakyat Malaysia hanya membaca sebanyak dua naskhah pada tahun 2014. Bilangan ini dianggap masih rendah berbanding dengan 40 judul buku setahun di negara maju. Jika dibandingkan dengan jumlah penduduk negara kita, kadar literasi rakyat negara ini masih jauh ketinggalan. Program Dekad Membaca Kebangsaan yang bermula dari 2021 hingga 2030 berhasrat untuk mewujudkan Malaysia sebagai negara membaca dan bangsa Malaysia yang berilmu dan bertaraf dunia menjelang tahun 2030. Menurut statistik PNM, trend pinjaman bahan dari perpustakaan di seluruh negara menunjukkan sedikit penyusutan. Hal ini berlaku demikian mungkin kerana bahan bacaan masyarakat kini tidak lagi terhad kepada buku fizikal. Generasi Y dan netizen lebih gemar mengakses bahan bacaan melalui Internet.

Dipetik dan diubah suai daripada
Berita Harian, 15 Januari 2017.

Isi Kandungan Taksiran Kumpulan

Taksiran Kumpulan 1: Tema :Bahasa dan Kesusasteraan

Taksiran Kumpulan 2: Tema: Sukan dan Rekreasi

SULIT

BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN 1

[30 markah]

TEMA: BAHASA DAN KESUSASTERAAN

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan generasi kini tidak menggunakan bahasa Melayu dengan betul semasa berkomunikasi .

Bincangkan.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

SULIT

BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN 2

[30 markah]

TEMA: SUKAN DAN REKREASI

Generasi muda kini lebih suka bermain permainan video daripada melibatkan diri dalam aktiviti sukan dan rekreasi secara fizikal.

Jelaskan.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 markah]

NASKHAH CALON

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

AKTIVITI BERBASIKAL



Kini, aktiviti berbasikal dilihat semakin mendapat perhatian rakyat Malaysia. Kejayaan Dato' Azizulhasni Awang memperoleh pingat perak Sukan Olimpik baru-baru ini dalam acara Keirin berbasikal semakin menambat hati masyarakat. Kebanyakan mereka yang berbasikal akan mencari kawan-kawan dan membuat kumpulan kecil untuk bersama-sama berbasikal dengan mengisi masa pada hujung minggu. Selain itu, berbasikal juga dapat memperbaiki tahap kesihatan diri. Aktiviti ini merupakan senaman terbaik kerana mampu mengeluarkan banyak peluh. Berbasikal juga dapat menstabilkan keseluruhan otot tubuh dan amat baik untuk kesihatan jantung. Ketika berbasikal pengaliran darah ke jantung akan meningkat. Peningkatan aliran darah membuatkan jantung memiliki oksigen yang mencukupi dan membantunya untuk berdegup dengan lebih baik.

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

AKTIVITI BERBASIKAL



Kini, aktiviti berbasikal dilihat semakin mendapat perhatian rakyat Malaysia. Kejayaan Dato' Azizulhasni Awang memperoleh pingat perak Sukan Olimpik baru-baru ini dalam acara Keirin berbasikal semakin menambat hati masyarakat. Kebanyakan mereka yang berbasikal akan mencari kawan-kawan dan membuat kumpulan kecil untuk bersama-sama berbasikal dengan mengisi masa pada hujung minggu. Selain itu, berbasikal juga dapat memperbaiki tahap kesihatan diri. Aktiviti ini merupakan senaman terbaik kerana mampu mengeluarkan banyak peluh. Berbasikal juga dapat menstabilkan keseluruhan otot tubuh dan amat baik untuk kesihatan jantung. Ketika berbasikal pengaliran darah ke jantung akan meningkat. Peningkatan aliran darah membuatkan jantung memiliki oksigen yang mencukupi dan membantunya untuk berdegup dengan lebih baik.

SOALAN RANGSANGAN

1. Berdasarkan keterangan di atas, nyatakan kelebihan-kelebihan aktiviti berbasikal.
2. Selain aktiviti berbasikal, apakah aktiviti-aktiviti lain yang boleh dilakukan untuk beriadah?
3. Kemukakan beberapa langkah untuk menggalakkan masyarakat berbasikal sebagai aktiviti riadah.
4. Berbasikal boleh mengeratkan silaturahim. Ulasakan.

Panduan Guru

1. kelebihan-kelebihan berbasikal
 - mengisi masa lapang
 - memperbaiki tahap kesihatan diri
 - Senaman terbaik untuk mengeluarkan peluh
 - Menstabilkan keseluruhan otot tubuh
 - Baik untuk kesihatan jantung

2. Aktiviti-aktiviti lain yang boleh dilakukan untuk beriadah
 - berjoging
 - Berenang
 - Berlari
 - Mendaki bukit

3. Langkah untuk menggalakkan masyarakat berbasikal
 - ibu bapa membelikan basikal untuk anak-anak
 - kerajaan menyediakan laluan khas
 - Menurunkan harga basikal
 - Menganjurkan Aktiviti /karnival berbasikal
 - Insentif percukaian

4. Berbasikal boleh mengeratkan silaturahim
 - dilaksanakan secara beramai-ramai bersama- sama keluarga dan sahabat handai yang berbilang kaum
 - Penganjuran aktiviti secara berkumpulan
 - Sokongan padu tanpa mengira kaum ketika acara sukan berbasikal dalam pertandingan peringkat antarabangsa
 - Penubuhan persatuan / kelab-kelab basikal / kumpulan berbasikal
 - Menambah kenalan baharu

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 markah]

NASKHAH CALON

(TEMA : BAHASA DAN KESUSASTERAAN)

Karya sastera semakin kurang diminati oleh generasi kini sedangkan karya tersebut membawa banyak faedah kepada pembaca.

Jelaskan.

NASKHAH PENTAKSIR

(TEMA : BAHASA DAN KESUSASTERAAN)

Karya sastera semakin kurang diminati oleh generasi kini sedangkan karya tersebut membawa banyak faedah kepada pembaca.

Jelaskan.

CADANGAN IDEA

Kebelakangan ini, masyarakat semakin meminggirkan karya sastera. Remaja tidak mengendahkan karya sastera tetapi sebaliknya asyik dengan pelbagai gajet. Karya sastera yang terdapat di pusat sumber sekolah dan kedai buku sepatutnya menjadi bahan bacaan remaja. Mereka sewajarnya menyedari bahawa banyak faedah yang diperoleh dengan membaca karya sastera.

Karya sastera boleh menimbulkan kesedaran kepada pembaca. Hal ini dikatakan demikian kerana pengarang sering menerapkan unsur pengajaran dalam karya mereka. Dengan membaca karya-karya seperti ini, kita dapat melahirkan masyarakat yang berakhlak.

Selain itu, remaja boleh memperluas kosa kata dan memperbaiki penggunaan bahasa dengan membaca karya sastera. Mereka akan menemukan pelbagai perkataan baharu dan ayat-ayat yang menarik daripada karya yang dibaca. Dengan cara ini, mereka dapat menghasilkan karangan yang lebih baik. Selan itu, mereka juga berupaya untuk berkomunikasi dengan lebih berkesan apabila membaca karya sastera.

Pelbagai ilmu pengetahuan juga boleh ditemukan melalui karya sastera. Dengan memilih karya sastera yang bermutu, pelbagai maklumat dapat diperoleh. Sebagai contoh, pembaca mendapat maklumat tentang tempat-tempat baharu yang digambarkan dalam karya sastera. Oleh hal yang demikian, remaja tidak menjadi seperti katak di bawah tempurung.

Membaca karya sastera merupakan suatu cara untuk mengisi masa senggang. Amalan ini lebih baik daripada menghabiskan masa terlalu lama dengan media sosial. Tambahan pula, remaja memerlukan tumpuan dan masa yang panjang untuk menghayati karya sastera. Oleh itu, remaja yang mendekati karya sastera terhindar daripada gejala negatif kerana masanya telah terisi dengan amalan membaca.

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 markah]

NASKHAH CALON

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

NASI LEMAK PILIHAN MASYARAKAT MALAYSIA



Nasi lemak sudah sinonim dengan kita tidak kira bangsa Melayu, Cina, India dan lain-lain. Kebiasaannya, nasi lemak dimakan pada waktu pagi bersama teh tarik. Nasi lemak ialah nasi yang dimasak dengan santan kelapa serta daun pandan dan merupakan makanan tradisional masyarakat Melayu. Secara tradisionalnya, makanan kegemaran ramai ini akan dihidangkan bersama sambal, ikan bilis, telur rebus dan kacang. Nasi lemak juga boleh dimakan bersama lauk-pauk seperti ayam goreng, rendang daging, sambal sotong, sambal kerang atau telur mata kerbau, sesuai dengan cita rasa masing-masing. Makanan tradisional ini dinamakan sebagai nasi lemak kerana tekstur dan rasanya yang berlemak. Selain itu, namanya juga mungkin dipengaruhi dengan proses penyediaannya yang menggunakan santan kelapa dan daun pandan bagi menyerlahkan aromanya.

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

NASI LEMAK PILIHAN MASYARAKAT MALAYSIA



Nasi lemak sudah sinonim dengan kita tidak kira bangsa Melayu, Cina, India dan lain-lain. Kebiasaannya, nasi lemak dimakan pada waktu pagi bersama teh tarik. Nasi lemak ialah nasi yang dimasak dengan santan kelapa serta daun pandan dan merupakan makanan tradisional masyarakat Melayu. Secara tradisionalnya, makanan kegemaran ramai ini akan dihidangkan bersama sambal, ikan bilis, telur rebus dan kacang. Nasi lemak juga boleh dimakan bersama lauk-pauk seperti ayam goreng, rendang daging, sambal sotong, sambal kerang atau telur mata kerbau, sesuai dengan cita rasa masing-masing. Makanan tradisional ini dinamakan sebagai nasi lemak kerana tekstur dan rasanya yang berlemak. Selain itu, namanya juga mungkin dipengaruhi dengan proses penyediaannya yang menggunakan santan kelapa dan daun pandan bagi menyerlahkan aromanya.

Soalan

1. Mengapakah makanan tradisional ini dinamakan nasi lemak?
2. Selain sambal, ikan bilis, telur rebus dan kacang, apakah lauk-pauk lain yang biasanya dimakan bersama nasi lemak?
3. Negara kita kaya dengan makanan tradisional. Nyatakan makanan-makanan tradisional mengikut kaum di Malaysia.
4. Nasi lemak menjadi pilihan ramai rakyat Malaysia. Berikan pendapat anda.

Panduan Guru

1. Sebab dinamakan Nasi Lemak
 - Makanan tradisional ini dinamakan sebagai nasi lemak kerana tekstur dan rasanya yang berlemak. Selain itu, namanya juga mungkin dipengaruhi dengan proses penyediaannya yang menggunakan santan kelapa dan daun pandan bagi menyerlahkan aromanya.

2. lauk-pauk lain yang biasanya dimakan bersama nasi lemak
 - Nasi Lemak juga boleh dimakan bersama lauk-pauk seperti ayam goreng, rendang daging, sambal sotong, sambal kerang atau telur mata kerbau

3. makanan-makanan tradisional mengikut kaum yang biasa dimakan oleh rakyat Malaysia
 - melayu – lemak, ketupat, laksa
 - Cina – kuih bulan, kuih bakul, zong zi, char kuetiaw
 - India - roti canai, muruku, tosai, putu mayang

4. Sebab Nasi lemak menjadi pilihan
 - Harga yang berpatutan
 - Mudah didapati
 - Sajian yang lengkap dengan semua rasa
 - Kaedah memasak yang mudah
 - bahan-bahan yang senang untuk didapati

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 markah]

NASKHAH CALON

(TEMA : KESIHATAN DAN KEBERSIHAN)

Kesihatan ialah nikmat dan harta yang sangat bernilai kepada manusia. Oleh itu, pelbagai usaha perlu dilaksanakan bagi membudayakan amalan gaya hidup sihat.

Bincangkan.

NASKHAH PENTAKSIR

(TEMA : KESIHATAN DAN KEBERSIHAN)

Kesihatan ialah nikmat dan harta yang sangat bernilai kepada manusia. Oleh itu, pelbagai usaha perlu dilaksanakan bagi membudayakan amalan gaya hidup sihat.

Bincangkan.

CADANGAN IDEA

Gaya hidup sihat bolehlah ditakrifkan sebagai satu amalan kehidupan yang boleh membawa impak positif kepada diri seseorang, keluarga dan masyarakat. Apabila amalan ini dapat dibudayakan tentulah seseorang itu memiliki kehidupan yang penuh ceria tanpa mengalami sebarang masalah yang boleh menjejaskan kehidupannya untuk satu tempoh tertentu.

Usaha yang boleh dilaksanakan:

- | | |
|----------------------------|---|
| 1. Diri sendiri/individu – | Pemakanan sihat/seimbang |
| 2. Keluarga/Ibu bapa - | Mengutamakan kebersihan diri |
| 3. Masyarakat- | Persekitaran yang bersih |
| | Beriadah/Aktiviti senaman |
| | Atasi stres/tekanan |
| | Menjalani pemeriksaan kesihatan |
| | Rehat dan tidur yang secukupnya |
| | Membawa anak menziarahi orang sakit |
| 4. Sekolah- | Guru-guru menasihati murid |
| | Memastikan murid menyertai kegiatan sukan dan permainan |
| | Memastikan pengusaha kantin menjual makanan berkhasiat |
| | Kebersihan dan keceriaan sekolah terjaga |
| 5. Kerajaan- | (Kementerian Kesihatan) |
| | Mengadakan Kempen Gaya Hidup Sihat |
| | Menggalakkan masyarakat membuat pemeriksaan kesihatan |
| | Mengadakan ceramah kesihatan |
| | Mengadakan Pameran Kesihatan |
| | (Kerajaan) |
| | Pembinaan tempat-tempat rekreasi/riadah |

6. Media Massa/Media Sosial (Stesen televisyen/radio/Internet)
Menyiarkan program kesedaran membudayakan amalan gaya hidup sihat

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 markah]

NASKHAH CALON

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KEMPEN KITAR SEMULA



Pembuangan sampah sarap di merata-rata tempat secara tidak terkawal menyebabkan pencemaran alam sekitar. Pencemaran yang berlaku akan menyebabkan kualiti hidup manusia juga terganggu. Kitar semula membawa maksud memungut dan mengasingkan sisa buangan pepejal untuk diproses menjadi produk yang sama atau barangan lain. Tidak dapat dinafikan masyarakat di negara ini masih belum mempunyai kesedaran sepenuhnya untuk mengamalkan kitar semula. Pensyarah Kanan Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Haliza Abdul Rahman berkata, pada tahun 2018, rakyat Malaysia membuang sumber kitar semula berjumlah RM476 juta. Tegasnya, bahan kertas mencatat pengeluaran sisa tertinggi, iaitu 17 peratus yang berjumlah RM205 juta, manakala sumber buangan kedua ialah plastik sebanyak 9 peratus atau RM163 juta. Tambahnya, amalan kitar semula dapat mengurangkan penghasilan sisa buangan di tapak pelupusan sampah.

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KEMPEN KITAR SEMULA



Pembuangan sampah sarap di merata-rata tempat secara tidak terkawal menyebabkan pencemaran alam sekitar. Pencemaran yang berlaku akan menyebabkan kualiti hidup manusia juga terganggu. Kitar semula membawa maksud memungut dan mengasingkan sisa buangan pepejal untuk diproses menjadi produk yang sama atau barangan lain. Tidak dapat dinafikan masyarakat di negara ini masih belum mempunyai kesedaran sepenuhnya untuk mengamalkan kitar semula. Pensyarah Kanan Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Haliza Abdul Rahman berkata, pada tahun 2018, rakyat Malaysia membuang sumber kitar semula berjumlah RM476 juta. Tegasnya, bahan kertas mencatat pengeluaran sisa tertinggi, iaitu 17 peratus yang berjumlah RM205 juta, manakala sumber buangan kedua ialah plastik sebanyak 9 peratus atau RM163 juta. Tambahnya, amalan kitar semula dapat mengurangkan penghasilan sisa buangan di tapak pelupusan sampah.

SOALAN RANGSANGAN

1. Berdasarkan petikan, berikan maksud kitar semula.
2. Amalan kitar semula banyak memberikan faedah kepada kita. Nyatakan faedah-faedah tersebut.
3. Pada pendapat anda, apakah cara yang paling sesuai menggalakkan masyarakat menjayakan kitar semula?
4. Sebagai seorang murid yang bertanggungjawab, jelaskan tindakan anda apabila melihat pembungkus plastik dan sisa makanan di atas meja kantin sekolah.

Panduan Guru

1. Berdasarkan petikan, berikan maksud kitar semula?
Kitar semula membawa maksud memungut dan mengasingkan sisa buangan pepejal untuk diproses menjadi produk yang sama atau barangan lain
2. Amalan kita semula banyak memberi faedah kepada kita. nyatakan faedah-faedah tersebut.
Amalan kitar semula dapat mengurangkan penghasilan sisa buangan di tapak pelupusan sampah
3. Pada pendapat anda, apakah cara yang paling sesuai menggalakkan masyarakat menjayakan kitar semula?
 - Kempen kesedaran tentang kitar semula dalam kalangan masyarakat
 - Pihak kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan memperbanyak tong dan pusat kitar semula
 - Peranan media massa bagi memastikan kempen kitar semula menjadi lebih berkesan
4. Sebagai seorang murid yang bertanggungjawab, jelaskan tindakan anda apabila melihat pembungkus plastik dan sisa makanan di atas meja kantin sekolah.
 - Mengutip dan membuang ke dalam tong sampah
 - Memberitahu pihak kantin sekolah
 - Melaporkan perkara tersebut kepada guru bertugas
 - Minta pertolongan pekerja kebersihan untuk membersihkannya

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 markah]

NASKHAH CALON

(TEMA : ALAM SEKITAR)

Pencemaran alam sekitar di negara kita semakin serius dan mendatangkan kesan negatif kepada kehidupan manusia.

Bincangkan.

NASKHAH PENTAKSIR

(TEMA : ALAM SEKITAR)

Pencemaran alam sekitar di negara kita semakin serius dan mendatangkan kesan negatif kepada kehidupan manusia.

Bincangkan.

CADANGAN IDEA

Pencemaran alam sekitar yang berlaku pada masa ini telah mendatangkan beberapa keburukan kepada masyarakat dan negara. Banyak masalah yang telah timbul akibat daripada pencemaran alam sekitar.

Pencemaran alam sekitar yang berlaku boleh mendatangkan banyak penyakit kepada manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana alam sekitar yang kotor akan menyebabkan pelbagai jenis serangga yang membawa penyakit seperti nyamuk aedes dapat membiak dengan lebih banyak. Umum mengetahui bahawa gigitan nyamuk aedes ini boleh menyebabkan penyakit demam denggi, manakala, udara yang tercemar pula akan menyebabkan masalah pernafasan seperti penyakit asma.

Selain itu, pencemaran alam sekitar juga akan menyebabkan bencana alam. Sebagai contoh, pencemaran di daratan boleh menyebabkan banjir lumpur apabila hujan turun dengan lebat. Bencana alam seperti tanah runtuh boleh berlaku apabila kawasan tanah tinggi telah digondolkan untuk membina kawasan perumahan atau kawasan perindustrian. Selain itu, kejadian banjir kilat juga berpunca daripada kegiatan pembuangan sampah ke dalam sungai hingga menyebabkan pengaliran air sungai ke laut terhalang oleh sampah sarap tersebut.

Pencemaran alam sekitar juga boleh menyebabkan keseimbangan alam sekitar terjejas. Apabila banyak hutan ditebang, kandungan gas oksigen akan berkurangan manakala kandungan karbon dioksida pula meningkat. Pencemaran udara juga akan menyebabkan berlakunya hujan asid. Selain itu menurut kajian, cuaca dunia yang tidak menentu disebabkan oleh kadar pencemaran alam yang semakin bertambah.

Pencemaran alam sekitar yang berlaku juga boleh menyebabkan sektor pelancongan negara terganggu. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak tempat menarik telah tercemar dengan sampah sarap. Pantai-pantai yang cantik juga telah tercemar dengan minyak hitam daripada kapal-kapal laut. Oleh itu, para pelancong tidak mahu datang ke kawasan pelancongan ini dan kerajaan terpaksa mengeluarkan wang yang banyak untuk membersihkan tempat-tempat pelancongan ini.

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 markah]

NASKAH CALON

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PENDIDIKAN ASAS KEMAJUAN



Remaja sering didedahkan tentang kecemerlangan akademik yang bersumberkan peperiksaan awam di Malaysia. Kebanyakan ibu bapa akan memastikan anak mereka mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik arus perdana. Hasrat kerajaan untuk menjadi negara industri akan terbantut jika masyarakat masih menganggap bidang kemahiran sebagai pendidikan bagi golongan kelas kedua. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)(PPPM-PT), kerajaan telah memberikan penekanan terhadap Pendidikan dan Latihan Teknikal atau *Technical and Vocational Education and Training (TVET)* bagi melahirkan pelajar yang berkemahiran. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025, kerajaan terus memberikan tumpuan khusus terhadap pembangunan Pendidikan TVET. Tumpuan terhadap TVET ini selari dengan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang mencipta teknologi dan bukan hanya menggunakannya.

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PENDIDIKAN ASAS KEMAJUAN

Remaja sering didedahkan tentang kecemerlangan akademik yang bersumberkan peperiksaan awam di Malaysia. Kebanyakan ibu bapa akan memastikan anak mereka mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik arus perdana. Hasrat kerajaan untuk menjadi negara industri akan terbantut jika masyarakat masih menganggap bidang kemahiran sebagai pendidikan bagi golongan kelas kedua. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)(PPPM-PT), kerajaan telah memberikan penekanan terhadap Pendidikan dan Latihan Teknikal atau *Technical and Vocational Education and Training (TVET)* bagi melahirkan pelajar yang berkemahiran. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025, kerajaan terus memberikan tumpuan khusus terhadap pembangunan Pendidikan TVET. Tumpuan terhadap TVET ini selari dengan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang mencipta teknologi dan bukan hanya menggunakannya.

SOALAN RANGSANGAN

1. Mengapakah hasrat kerajaan untuk menjadi sebuah negara industri akan terbantut?
2. Apakah matlamat kerajaan memperkenalkan pembangunan Pendidikan TVET?
3. Pertumbuhan ekonomi global memerlukan setiap tenaga kerja mempunyai kemahiran khusus dalam bidang pekerjaan seperti automotif, kejuruteraan, perhotelan dan sebagainya. Pada pendapat anda, apakah kelebihan kepada individu yang mempunyai kemahiran tersebut?
4. Cadangkan beberapa langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk menarik minat murid dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional.

Panduan Guru

1. Mengapakah hasrat kerajaan untuk menjadi sebuah negara industri akan terbantut?

Hasrat kerajaan untuk menjadi negara industri akan terbantut jika masyarakat masih menganggap bidang kemahiran sebagai pendidikan bagi golongan kelas kedua

2. Apakah matlamat kerajaan dengan memperkenalkan Pendidikan TVET?

Matlamat kerajaan dengan memperkenalkan Pendidikan TVET ialah menjadikan Malaysia sebagai negara yang mencipta teknologi, bukan hanya menggunakannya.

3. Pertumbuhan ekonomi global memerlukan setiap tenaga kerja mempunyai kemahiran khusus dalam bidang pekerjaan seperti automotif, kejuruteraan, perhotelan dan sebagainya. Pada pendapat anda, apakah kelebihan kepada individu yang mempunyai pendidikan kemahiran tersebut?
 - Mendapat ilmu pengetahuan yang luas dalam pelbagai bidang
 - Meningkatkan kemahiran diri dan memupuk keinginan untuk pembaharuan
 - Melahirkan bilangan pekerja yang mahir dan terlatih
 - Memenuhi permintaan pasaran kerja dalam bidang kemahiran
 - Pasaran kerja yang tinggi
 - Gaji yang tinggi
 - Rebutan majikan
 - Membuka perniagaan sendiri
4. Cadangkan beberapa langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk menarik minat murid dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional.
 - Kerajaan hendaklah menawarkan banyak peluang pekerjaan/jaminan kerja
 - Menambahkan universiti kemahiran
 - Sediakan biasiswa atau pinjaman
 - Pameran kerjaya

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 markah]

NASKHAH CALON

(TEMA : BUDAYA)

Permainan tradisional semakin dipinggirkan oleh masyarakat Malaysia. Oleh hal yang demikian, pelbagai usaha untuk menyuburkan permainan tradisional perlu dipertingkatkan.

Bincangkan.

NASKHAH PENTAKSIR

(TEMA : BUDAYA)

Permainan tradisional semakin dipinggirkan oleh masyarakat Malaysia. Oleh hal yang demikian, pelbagai usaha untuk menyuburkan permainan tradisional perlu dipertingkatkan.

Bincangkan.

CADANGAN IDEA

Malaysia kini berhadapan dengan arus globalisasi dan modenisasi yang berkembang pesat. Berkait rapat dengan perkembangan tersebut, generasi muda hari ini lebih terdedah kepada alam siber dan permainan komputer sehingga melupakan permainan tradisional yang merupakan warisan pusaka sejak dahulu lagi. Lantaran itu, permainan tradisional turut dipandang enteng serta mula tersisih daripada arus perdana kehidupan masyarakat. Oleh hal yang demikian, semua pihak perlu mengambil langkah yang proaktif bagi menyuburkan kembali permainan tradisional.

Ibu bapa dianggap pihak yang paling dominan berperanan memperkenalkan serta mempopularkan permainan tradisional kepada generasi muda khususnya kepada anak-anak mereka. Ibu bapa perlu mendedahkan permainan tradisional kepada anak-anak mereka sejak kecil bertepatan dengan peribahasa melentur buluh biarlah dari rebungunya bagi tujuan memupuk minat bermain permainan tradisional. Mereka boleh membelikan anak-anak mereka permainan tradisional sebagai hadiah sempena hari ulang tahun ataupun sebagai hadiah kerana pencapaian cemerlang dalam akademik di sekolah. Ibu bapa juga boleh menganjurkan pertandingan permainan tradisional melalui Hari Keluarga yang diadakan sama ada dilakukan secara bersendirian atau bersama dengan rakan-rakan sekerja. Inisiatif ini dapat memberikan peluang kepada seluruh ahli keluarga yang mengambil bahagian untuk mencuba bermain permainan tradisional seperti congkak, menaikkan layang-layang dan bermain gasing.

Selain itu, pihak kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia mestilah menjadikan permainan tradisional sebagai satu daripada kegiatan kokurikulum di sekolah. Rentetan daripada itu, pihak sekolah hendaklah digalakkan menubuhkan kelab atau persatuan yang bercirikan permainan tradisional. Dengan berpayungkan kelab atau persatuan permainan tradisional seperti Kelab Budaya Bangsa, pelajar boleh belajar tentang cara membuat, cara bermain dan mengetahui syarat-syarat bermain sesuatu permainan tradisional. Setelah mengetahui secara mendalam sesuatu permainan

itu, pelajar akan berminat untuk melibatkan diri dalam permainan tradisional tersebut. Usaha menanam minat terhadap generasi muda penting kerana mereka merupakan akar tunjang yang bakal mewarisi warisan pusaka bangsa serta mewarnai masyarakat masa hadapan, justeru, penglibatan pelajar secara langsung dalam permainan tradisional nescaya dapat mempopularkan permainan tersebut di Malaysia daripada pupus dan lenyap begitu sahaja. Bertepatan dengan kata peribahasa, tak kenal maka tak cinta, maka iltizam pihak sekolah amat dituntut agar putera-puteri yang sedang berjuang di medan ilmu dapat bergiat aktif mempopularkan permainan tradisional di samping mengurangkan sedikit tekanan menghadapi peperiksaan.

Seterusnya, usaha mengadakan pelbagai kempen cintai permainan tradisional merupakan satu kaedah yang ampuh untuk mempopularkan permainan tradisional di negara kita. Kempen ini perlu dijalankan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara secara terancang dan berkesan dengan kerjasama pihak media cetak dan media elektronik seperti akhbar dan televisyen. Pihak media massa perlu menyiarkan rencana dan dokumentari untuk memperkenalkan permainan tradisional di negara kita seperti wau, gasing, congkak dan lain-lain. Pelbagai aktiviti harus dianjurkan sempena kempen tersebut, seperti peraduan mengarang, pameran, peraduan melukis poster dan lain-lain lagi. Melalui proses tersebut, permainan tradisional boleh menjadi lebih popular di merata-rata tempat bersesuaian dengan kata peribahasa seperti pegaga tumbuh melata.

Pertukaran budaya dengan negara luar merupakan inisiatif lain yang boleh dilakukan bagi mempopularkan permainan tradisional. Apabila program tersebut dilaksanakan maka pelajar dari luar negara yang datang ke Malaysia akan berpeluang bermain pelbagai permainan tradisional di sini. Apabila mereka pulang ke negara mereka kelak, mereka akan mengajar rakan-rakan dan ahli keluarga permainan yang pernah mereka mainkan di sini. Usaha ini secara tidak langsung membolehkan nama Malaysia akan terkenal di persada antarabangsa dan rakyat Malaysia boleh berbangga kerana Malaysia masih mempunyai permainan tradisional yang tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. Perkara yang sama boleh dilakukan oleh agensi pelancongan yang bertindak sebagai medium penyebar maklumat untuk memperkenalkan permainan tradisional kepada pelancong asing. Lantaran itu, agensi pelancongan boleh mengurus aktiviti seperti bermain gasing, galah panjang dan teng-teng di tempat penginapan pelancong asing. Diharapkan langkah ini akan membuatkan para pelancong terhibur sekali gus berminat dengan acara-acara yang disediakan dan ingin datang kembali ke Malaysia.

Tidak disangkal lagi, penganjuran pelbagai bentuk pertandingan merupakan inisiatif yang praktikal untuk mempopularkan permainan tradisional kepada masyarakat di Malaysia. Melalui pertandingan yang diadakan semua pihak yang mengambil bahagian akan saling bertukar pengalaman dan mengukuhkan ukhwah antara mereka. Agensi-agensi kerajaan dengan kerjasama pelbagai badan bukan kerajaan (NGO) boleh bergabung dengan sektor korporat seperti Proton, TM Net dan Maxis menganjurkan pertandingan permainan tradisional dari peringkat sekolah, daerah, kebangsaan hinggalah ke peringkat antarabangsa. Dalam konteks ini, contoh yang terbaik ialah penganjuran Festival Layang-layang Antarabangsa di Pasir Gudang, Johor oleh kerajaan negeri Johor dengan kerjasama pelbagai badan korporat. Berdasarkan rekod yang ada, pertandingan layang-layang tersebut berjaya menarik peminat-peminat permainan layang-layang dari seluruh dunia untuk turut mengambil bahagian.

Konklusinya, semua etnik tidak sewajarnya membiarkan khazanah budaya mereka termasuk permainan tradisional terus lenyap di muka bumi kerana warisan tersebut ialah khazanah dunia yang tidak ternilai harganya. Kita amat berharap semua pihak tetap teguh memelihara khazanah budaya ini pada setiap masa kerana generasi terkini hanya sekadar meminjam warisan bangsa yang mungkin menjadi sanjungan generasi mendatang.

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
[30 markah]

NASKHAH CALON

(TEMA : PENDIDIKAN)

Isu kemalangan jalan raya sukar untuk diatasi, namun kerajaan perlu mengambil langkah yang efektif bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Ulaskan pernyataan tersebut.

NASKHAH PENTAKSIR

(TEMA : PENDIDIKAN)

Isu kemalangan jalan raya sukar untuk diatasi, namun kerajaan perlu mengambil langkah yang efektif bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Ulaskan pernyataan tersebut.

CADANGAN IDEA

Kemalangan jalan raya bukanlah satu perkara baru di negara kita, malahan sejak sekian lama kemalangan jalan raya yang berlaku di negara ini merupakan antara yang tertinggi di dunia. Kemalangan tersebut telah banyak menyebabkan kehilangan nyawa, terutamanya kemalangan yang melibatkan bas. Oleh itu, kerajaan perlu mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi mengurangkan kemalangan jalan raya di negara ini.

Antara langkah yang patut dilakukan ialah undang-undang keselamatan jalan di jalan raya perlu diperketat supaya kemalangan jalan raya dapat dikurangkan. Syarat kelulusan bagi ujian kelas memandu juga haruslah dinaikkan. Selain itu, para pemandu diwajibkan menduduki peperiksaan setiap dua tahun untuk memahirkan mereka dengan kemahiran yang diajarkan di kelas memandu dahulu.

Pihak kerajaan juga haruslah mewajibkan pemeriksaan kenderaan dilakukan pada setiap tahun dan mengenakan denda terhadap mereka yang mengingkarinya. Hal ini dikatakan demikian kerana keadaan kenderaan seperti tidak berlampu dan sistem brek yang rosak merupakan salah satu penyumbang utama kemalangan di jalan raya. Langkah ini akan menggalakkan para pemandu sentiasa memastikan kenderaan mereka dalam keadaan selamat sebelum digunakan, khususnya untuk perjalanan yang jauh.

Kemalangan jalan raya yang kerap berlaku sejak belakangan ini berpunca daripada sikap pemandu yang suka memandu melebihi had laju yang ditetapkan. Dalam hal ini, had laju yang sedia ada wajar dikurangkan, khususnya di kawasan lebuhraya. Walaupun sesetengah pemandu sememangnya tidak bersetuju dengan cadangan ini, tetapi apabila suatu peraturan itu telah ditetapkan, mereka harus mematuhi.

Denda juga harus dikenakan terhadap pengguna yang memandu melebihi had yang ditetapkan. Jika seseorang pemandu itu didapati melakukan kesalahan yang sama lebih daripada dua kali, maka lesen memandu mereka perlu digantung. Tindakan ini sudah pasti akan dapat membuka mata pengguna-pengguna lain. Sikap tidak mengambil peduli akan keselamatan di jalan raya dalam kalangan pengguna selama ini pasti akan terhakis apabila amaran menggantung lesen memandu mereka dikeluarkan.

Pengguna juga perlu disedarkan tentang tanggungjawab mereka ketika berada di jalan raya melalui kempen-kempen keselamatan jalan raya oleh pihak tertentu, bak kata pepatah, janganlah sudah terhantuk baru hendak tengadah kerana apabila sesuatu kecelakaan sudah berlaku, tiada guna menyesalinya lagi, kerana nasi sudah menjadi bubur.

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
[30 *markah*]

NASKHAH CALON

(TEMA : SOSIAL)

Semangat kejiranan kian luntur dalam norma masyarakat kini. Masalah ini tidak boleh dipandang sepi kerana semangat ini mendatangkan pelbagai kebaikan dalam pembangunan Keluarga Malaysia.

Ulaskan pernyataan tersebut.

NASKHAH PENTAKSIR

(TEMA : SOSIAL)

Semangat kejiranan kian luntur dalam norma masyarakat kini. Masalah ini tidak boleh dipandang sepi kerana semangat ini mendatangkan pelbagai kebaikan dalam pembangunan Keluarga Malaysia.

Ulaskan pernyataan tersebut.

CADANGAN IDEA

Umumnya, jiran ialah orang yang tinggal berhampiran dengan rumah seseorang atau tetangga. Hidup berjiran memerlukan semangat kejiranan. Semangat kejiranan ini merujuk kepada tahap keakraban dalam hubungan sesama jiran. Sebagai rakyat Malaysia yang hidup dalam keadaan harmoni samangat berjiran perlu diamalkan kerana pelbagai kebaikan yang diperoleh.

Kebaikan semangat kejiranan ialah kita akan mudah mendapat bantuan jika kita menghadapi sesuatu masalah. Seperti yang kita sedia maklum bahawa kehidupan kita tidak dapat lari daripada perkara luar dugaan seperti kebakaran, kemalangan atau kematian. Jika kita menghadapi sesuatu bencana sudah tentunya jiranlah orang yang paling cepat dapat membantu kita. Begitu juga jika kita sakit, jiranlah yang kita harapkan untuk menghantar kita ke klinik atau hospital bagi mendapatkan rawatan.

Selain itu, semangat kejiranan yang terjalin akan menjamin keselamatan tempat tinggal kita. Semangat kejiranan akan mendorong jiran kita menjaga keselamatan tempat tinggal. Jika jiran mendapati ada orang yang tidak dikenali datang atau memasuki rumah sewaktu kita tiada di rumah, jiran pasti akan menghubungi kita. Contoh pada musim perayaan, jika kita pulang ke kampung untuk menziarahi rumah saudara-mara, jiranlah orang yang diharapkan dapat membantu menjaga rumah kita.

Kebaikan lain semangat kejiranan ialah jiran akan dapat membantu kita dalam menjayakan majlis keramaian. Majlis keramaian yang kita adakan kadang kala memerlukan bantuan jiran di sekeliling. Dengan adanya bantuan jiran, majlis tersebut menjadi ringan dan berjaya dilaksanakan. Semangat kejiranan yang terjalin juga membolehkan gejala negatif di tempat tinggal kita dicegah. Jiran yang baik, pastinya dapat mendidik dan menasihati anak mereka agar tidak melakukan perkara negatif yang boleh mengganggu ketenteraman membuat bising dan perkara berbahaya di kawasan kejiranan.

Di samping itu, semangat kehiranan membantu memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat di kita. Perpaduan yang terjalin akan membolehkan rakyat hidup dalam keadaan aman dan damai. Nyatalah semangat kehiranan banyak memberi manfaat baik kepada diri sendiri, penduduk setempat dan masyarakat umumnya. Manfaat yang lebih besar ialah semangat kehiranan ini dapat mendorong terjalinnya hubungan baik antara kaum dan membawa kepada perpaduan.

UJIAN BERTUTUR KUMPULAN

TEMA: SUKAN DAN REKREASI

Aktiviti sukan berbasikal dalam kalangan anggota masyarakat mempunyai banyak faedah.

Bincangkan faedah-faedah berbasikal dalam kalangan masyarakat.

TEMA: EKONOMI DAN PENGURUSAN KEWANGAN

Peribahasa sehari selembur benang, lama-lama jadi kain dapat dikaitkan dengan usaha yang dilakukan dalam amalan menabung. Terdapat banyak kesan yang diperolehi sekiranya seseorang itu mengamalkan amalan menabung.

Huraikan kesan positif amalan menabung.

TEMA: PELANCONGAN

Industri pelancongan menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara Malaysia.

Jelaskan usaha-usaha memajukan industri pelancongan.

TEMA: ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU

Pembangunan pesat yang berlaku pastinya memberikan kesan kepada kelestarian alam sekitar, sama ada di bandar ataupun di desa. Oleh itu, pelbagai pihak hendaklah mengatasi pencemaran alam sekitar.

Bincangkan usaha pelbagai pihak untuk mengatasi pencemaran alam sekitar.

TEMA: SEJARAH DAN WARISAN

Bangunan dan monumen bersejarah seperti Kota A Famosa, Bangunan Sultan Abdul Samad dan Istana Seri Menanti merupakan asset penting yang sepatutnya dipelihara sebagai penghargaan warisan dan khazanah budaya negara ini.

Bincangkan usaha-usaha memelihara warisan dan khazanah tersebut.

APLIKASIKAN TOHUCOKEP

TO	
HU	
CO	
KE	
P	

APLIKASIKAN TOHUCOKEP

TO	
HU	
CO	
KE	

APLIKASIKAN TOHUCOKEP

TO	
HU	
CO	
P	

Teknik C2KeLaTorS + Tema Buku Teks & DSKP

BIL	TEMA	BIL.	TEMA
1.	Kesihatan dan Kebersihan	10.	Pelancongan
2.	Keselamatan	11.	Sejarah dan Warisan
3.	Perpaduan	12.	Sukan dan Rekreasi
4.	Kebudayaan, Kesenian, dan Estetika	13.	Perindustrian
5.	Jati diri, Patriotisme, dan Kewarganegaraan	14.	Pendidikan
6.	Sains, Teknologi, dan Inovasi	15.	Bahasa dan Kesusasteraan
7.	Alamsekitar dan Teknologi Hijau	16.	Kerjaya
8.	Pertanian, Penternakan, dan Perikanan	17.	Integriti
9.	Ekonomi, Keusahawanan, dan Pengurusan Kewangan	18.	Pentadbiran dan Politik

*NOTA: C- Ciri C- Cabaran Ke- Kesan La- Langkah Tor- Faktor S-Sumbangan

Teknik CKeLaTor + DiKeMaSeN + MM

Diri (Di)	Keluarga (Ke)	Masyarakat (Ma)
<ul style="list-style-type: none"> ➤ Kesedaran diri ➤ Motivasi diri ➤ Taat kepada perintah Allah/Tuhan ➤ Kegigihan ➤ Rakan sebaya ➤ Jati diri ➤ Pembacaan/ Menuntut ilmu 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pendidikan agama ▪ Perhatian/kasih sayang ▪ Kemantapan ekonomi ▪ Suri teladan ▪ Ilmu keibubapaan 	<ul style="list-style-type: none"> ○ Aktiviti Hari Keluarga/Gotong-royong ○ Prihatin/ saling menegur ○ Ceramah
Sekolah (Se)	Negara/Kerajaan (N)	Media Massa (MM)
<ul style="list-style-type: none"> • Pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) • Kokurikulum • Aktiviti (Ceramah/ pertandingan) 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Penguatkuasaan undang-undang ✓ Peranan pemimpin ✓ Kempen 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Media Massa (media cetak, media elektronik, media sosial)

TanTun (Spontan & Santun)

- ✓ Ucap terima kasih kepada pentaksir/rakan dalam kumpulan- Baiklah, terima kasih.
- ✓ Menyambut pertuturan rakan
 - Saya bersetuju dengan hujah/pandangan
 - Menarik sungguh topik perbincangan kita pada hari ini,
 - Izinkan saya menambahkan pendapat saya tentang..

*Aplikasikan KCMS –ToHuCoKe @ ToHuCoPe @ ToHuCoKeP

To (Ayat Topik)	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Pada pendapat saya,...ayat topik (kehendak soalan) ➤ Menurut pandangan saya,..ayat topik (kehendak soalan)
Hu (Ayat Huraian)	✓ Hal ini dikatakan demikian kerana
Co (Ayat Contoh)	▪ Sebagai contohnya, ...
Ke (Ayat Kesan)	❖ Kesannya,...
P (Ayat Penegasan)	<ul style="list-style-type: none"> • Benarlah bahawa... • Jelaslah bahawa...

